

Sosialis



ANAK MUDA BANGKIT BERSUARA



#TANGKAPM01



**Kempen Tabung
Pemberhentian Kerja
giat berjalan**

> m/s 6 & 16



**Referendum Thailand
undur ke belakang?**

> m/s 13

**OA Pos Lanai
lawan empangan**

> m/s 5

**Kilang tutup
kembali operasi
selepas pekerja bantah**

> m/s 10

RCEP

**satu lagi
perjanjian sulit**

> m/s 4

Kenapa anak muda bosan dengan parti politik?

baca lanjut di m/s 8

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat PSM

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrasi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, bersatu dan pencapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

- ★ Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.
- ★ Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan peminasaan.
- ★ Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?



Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Alamat ibu pejabat PSM: **Parti Sosialis Malaysia** 140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur. Tel/Faks: 03-22762247 Email: pusat@partisosialis.org Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungkiri.wordpress.com/>

DARI MEJA PENGARANG

Aksi protes Tangkap MO1 merupakan usaha terbaru anak muda kita yang amat kecewa dengan pemerintahan UMNO-BN pimpinan Najib Razak untuk menuntut perubahan. Ribuan rakyat turun ke jalanraya di Kuala Lumpur pada 27 Ogos yang lalu. Walaupun jumlah peserta aksi tidak sehebat seperti yang kita saksikan dalam aksi himpunan BERSIH yang sebelum ini, tetapi sekurang-kurangnya aksi yang dipimpin oleh anak muda dan mahasiswa ini memberi satu nafas yang segar kepada senario politik yang kehilangan semangat sejak kebelakangan ini.

Rakyat yang peka kepada perkembangan politik tanahair sememangnya inginkan perubahan pada pemerintahan negara kerana kerajaan UMNO-BN pimpinan Najib pada masa kini semakin hari semakin membawa negara kita ke arah yang tidak menentu, dengan amalan korupsi semakin menjadi-jadi dan pemusatan kuasa yang menjurus kepada pemerintahan kediktatoran. Namun, gerakan rakyat nampaknya tidak berdaya untuk merempuh rintangan yang menghalang perubahan sosial sejak PRU-13. Pihak pemerintah terus mempergunakan isu perkauman dan agama untuk memecah-belahkan rakyat, sementara pihak pembangkang arus perdana pula berpecah-belah secara sendiri atas beberapa isu pertelingkahan antara mereka sendiri.

Tambahan pula, rakyat biasa juga terpaksa berhadapan dengan tekanan hidup harian dengan keadaan ekonomi yang murung. Ramai rakyat tidak mendapat jaminan kerja kerana sistem kontrak kerja yang semakin berleluasa, dan juga ancaman pemberhentian kerja yang semakin menjadi-jadi akibat kemelesetan

ekonomi sedunia. Perlindungan sosial untuk rakyat biasa amat kurang, maka negara kita perlukan perubahan yang nyata dalam sistem kebajikan sosial dan perlindungan untuk pekerja dari segi undang-undang.

Oleh yang demikian, PSM telah melancarkan kempen Tabung Pemberhentian Kerja, sebagai satu usaha mendesak pihak kerajaan supaya sekurang-kurangnya menubuhkan satu tabung yang dapat membantu para pekerja yang hilang kerja semasa krisis ekonomi. Jika para pekerja tidak dapat bekerja dan tiadanya pendapatan, bagaimana kita dapat menjana semula ekonomi dengan kuasa beli yang semakin merosot? Tabung Pemberhentian Kerja merupakan salah satu langkah yang penting untuk melindungi pekerja di samping menyelamatkan ekonomi negara kita semasa krisis.

Perjuangan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat dan perjuangan politik untuk perubahan pemerintahan tidak boleh dipisahkan. Kita perlukan sebuah kerajaan yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat dan ini hanya boleh diwujudkan dengan adanya perubahan politik. Begitu juga dengan perjuangan politik semestinya perlu berlandaskan kesamarataan dan kesejahteraan rakyat supaya perubahan yang dikejar itu adalah sesuatu yang bermakna untuk rakyat jelata.

Cabaran yang sedang kita hadapi adalah hebat. Kita sedang berdepan dengan krisis kapitalis sedunia dan juga sistem pemerintahan di negara kita yang penuh dengan kepincangan. Perubahan yang sebenar hanya boleh berlaku dengan adanya tekanan daripada rakyat dari bawah. Oleh itu, adalah menjadi tugas kita untuk terus membina dan memperkasakan kuasa rakyat. ##

Langganlah Akhbar: Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tel/Faks: 03-22762247
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Gabungan Pemandu Lori Perak



Gabungan Pemandu Lori Negeri Perak telah menganjurkan satu majlis makan malam untuk mengutip dana. Kutipan dana tersebut bertujuan untuk menampung kos usaha menyaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di mahkamah. Pihak majikan telah menipu untuk tidak membayar caruman KWSP bagi pemandu lori. Para pemandu lori di Perak telah bertekad untuk bersatu demi membela hak kaum pekerja.

Malam Persahabatan PSM Johor



PSM Cawangan Nusajaya telah menganjurkan program Malam Persahabatan PSM pada 6 Ogos yang lalu di Kangkar Pulai, Johor. Majlis makan malam tersebut mendapat sambutan yang meriah daripada penyokong-penyokong PSM di sekitar kawasan Johor Bahru dan juga rakan-rakan seperjuangan daripada pelbagai latar belakang. Tetamu khas yang hadir dalam majlis makan malam ini

termasuklah Hassan Karim (Pengerusi PKR Johor) dan Thomas Fann (Pengerusi ENGAGE). Turut hadir bersama adalah Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM.



Sekolah Ideologi

PSM telah menganjurkan program Sekolah Ideologi bagi ahli-ahli pada 13-14 Ogos yang lalu di Ipoh. Program dua hari ini bertujuan untuk membolehkan ahli-ahli PSM memahami jenis ekonomi sosialis yang diperjuangkan oleh PSM. Para peserta juga membincangkan beberapa persoalan dalam bengkel diskusi untuk mengkaji semula kesesuaian sosialisme di Malaysia pada masa kini.



Isu pembuangan kerja Paragon Converter

Pada 10 Ogos yang lalu, pekerja-pekerja Paragon Converter (M) Sdn Bhd yang diberhentikan kerja telah mengadakan rundingan dengan pelikuidasi untuk mencari penyelesaian kepada isu pampasan pemberhentian kerja. Para pekerja diwakili oleh Pegawai Perhubungan Perusahaan daripada Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Peter dan Kamarul. Turut bersama para pekerja adalah Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM.



majikan langsung tidak kelihatan, hanya wakil pelikuidasi sahaja yang hadir untuk memaklumkan kepada pekerja.

Ada pekerja yang sudah bekerja dengan syarikat ini lebih daripada 15 tahun, tetapi balasan yang diterima adalah terus dibuang kerja begitu sahaja. PSM telah bersama dengan pekerja Paragon Converter untuk mengatur langkah bagi tindakan seterusnya demi menuntut hak pekerja.

Seramai 120 orang pekerja kilang Paragon Converter (M) Sdn Bhd, Petaling Jaya, telah dibuang kerja secara mengejut pada bulan Julai yang lalu, kerana syarikat gulung tikar dan diambilalih oleh pelikuidasi. Apabila para pekerja dimaklumkan tentang berita pembuangan kerja,

Sosialisme 2016

KELUAR KAPITALISME

BINA KIRI

18-20 Nov **KLSCAH**

Daftar Sekarang 012-3902544 pusat@partisosialis.org

Yuran pendaftaran RM 30

SocialismMalaysia

Forum Sosialisme 2016 akan diadakan pada 18-20 November, di Dewan Perhimpunan Cina KL & Selangor. Acara tahunan kali ini bertemakan “KELUAR KAPITALISME: BINA KIRI”.

- Topik-topik menarik:
- Berputus daripada globalisasi neoliberal
 - Alternatif kiri dalam pilihanraya
 - Adakah kita terlambat dalam menyelesaikan krisis iklim sedunia?
 - Melawan seksisme dan homofobia
 - Menangani fundamentalisme agama dan terrorisme
 - Gelombang gerakan kiri yang baru
 - Membina semula kuasa kiri untuk Sosialisme di Abad ke-21

Yuran pendaftaran: RM 30 (termasuk kemeja-T percuma sehingga stok masih ada dan makan tengah hari)

Himpunan 000 Pejuang

meraikan perjuangan rakyat akar umbi

2 Oktober 2016, 10.30 pagi
Dewan Kinta India Association
(7, Jalan Gurdwara, 30200 Ipoh Perak)

Adakah Akta Majlis Keselamatan Negara akan disalahgunakan seperti ISA & EO?

(Berikut adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh Sivarajan Arumugam, Setiausaha Agung PSM, pada 1 Ogos 2016.)

Sudah 5 tahun semenjak pembebasan 6 orang aktivis PSM yang telah ditahan di bawah Ordinan Darurat (EO). Mereka dibebaskan setelah penahanan tanpa bicara selama 28 hari. Untuk sesetengah orang, 28 hari itu tidaklah terlalu lama. Ramai lagi yang pernah ditahan bertahun-tahun lamanya di bawah undang-undang drakonian seperti Ordinan Darurat dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pembebasan yang lebih awal untuk 6 orang aktivis ini merupakan hasil daripada kempen besar-besaran yang diterajui PSM yang berjaya memberikan tekanan besar melalui kuasa rakyat.

Seperti yang berlaku di kebanyakan tempat, adanya harga yang perlu dibayar apabila anda dilihat mengancam kedudukan sesebuah kuasa. Akta pencegahan akan digubal oleh pihak pemerintah, terutamanya untuk menutup suara yang membangkang. Kita telah mendengar bagaimana undang-undang seperti ini kerap kali disalahgunakan demi kepentingan pemerintah.

Kita bergembira apabila Ordinan Darurat dan ISA dimansuhkan pada tahun 2012, namun kegembiraan itu tidak bertahan lama. Unsur

penahanan pencegahan kembali lagi melalui undang-undang seperti POTa, POCA dan SOSMA. Paling dahsyat sekali adalah Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2016. Kita semua masih ingat bagaimana Barisan Nasional dengan penuh angkuhnya memaksa rang undang-undang ini diluluskan dalam parlimen. Rang undang-undang ini kemudiannya diwartakan sebagai undang-undang pada 7 Jun 2016 sekalipun tidak dapat perkenan Majlis Raja-Raja.

Sekarang ini, semua mata memandang pada Perdana Menteri kerana dia yang menjadi sangat berkuasa apabila Akta MKN ini dikuatkuasakan. Dengan skandal 1MDB, lebih-lebih lagi dengan tindakan terkini Jabatan Keadilan di Amerika Syarikat, krisis politik dalam UMNO yang terus berpanjangan dan krisis ekonomi yang melanda, maka matlamat utama Najib adalah untuk kekal berkuasa sebagai PM. Persoalannya, adakah Akta MKN ini akan menjadi alat untuk Najib atau UMNO-BN mengekalkan kuasanya? Najib telah memberi amaran kepada pembangkang untuk tidak menyalah tafsir undang-undang ini.

Namun, ketakutan di kalangan orang ramai amat berasas berdasarkan bagaimana undang-undang pencegahan telah disalahgunakan pada masa lampau. Pembebasan 6 orang aktivis PSM (dikenali sebagai EO6) tanpa sebarang pertuduhan terhadap mereka merupakan salah satu bukti nyata penyalahgunaan Ordinan Darurat. Tepat sebulan lalu, Mahkamah Persekutuan telah mengekalkan pampasan sebanyak RM 2.78 juta untuk 5 orang bekas tahanan ISA yang ditahan secara zalim pada 2001. Senarai bukti

penyalahgunaan undang-undang ini akan berterusan lagi.

PSM khuatir bahawa Akta MKN akan disalahgunakan untuk menyekat atau mengganggu mana-mana perhimpunan aman, menahan orang yang tidak bersalah secara sewenang-wenangnya untuk menyekat suara mereka, merampas harta dan menghalang proses demokrasi seperti pilihanraya. Justeru, Akta MKN dilihat kini sebagai senjata paling ampuh bagi pentadbiran Najib untuk mengekalkan kuasa, sekaligus melengkapkan ciri-ciri seorang diktator yang berkuasa.##



RCEP: Satu lagi perjanjian sulit

oleh A. Sivarajan

Walaupun rakyat telah menyuarakan bantahan terhadap apa jua perjanjian perdagangan bebas yang dirundingkan secara sulit, khususnya semasa perjanjian perdagangan bebas TPPA dirundingkan, adalah amat mengecewakan rakyat lagi apabila Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sekali lagi merundingkan satu perjanjian perdagangan bebas secara sulit!

Mustapa Mohamed selaku Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada 5 Ogos yang lalu di Vientiane, Laos, membincangkan secara mendalam kemajuan rundingan sulit perjanjian perdagangan bebas yang berkenaan.

Perjanjian perdagangan bebas yang dimaksudkan adalah Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*), atau secara ringkasnya dikenali sebagai RCEP. Perjanjian ini melibatkan 16 buah negara iaitu, 10 negara ASEAN (Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia, Filipina, Myanmar, Kemboja, Laos, Thailand dan Vietnam) bersama dengan Jepun, Korea Selatan, China, India, New Zealand dan Australia.

Siri rundingan antara wakil negara perjanjian RCEP kurang menerima perhatian kerana perjanjian TPPA telah menjadi isu fokus yang

diketengahkan oleh masyarakat sivil yang membantah perjanjian tersebut dalam dua tahun lepas. Kini siri rundingan RCEP telah mencapai pusingan yang ke-13. TPPA dibuktikan sebagai perjanjian yang mendahulukan agenda korporat Amerika Syarikat dan membelakangkan kepentingan rakyat. Malangnya, RCEP juga masih mengekalkan agenda menjaga kepentingan korporat walaupun ianya tidak melibatkan Amerika Syarikat.

Sebelum ini, perjanjian RCEP tidak dianggap akan merangkumi isu-isu yang dibantah oleh masyarakat sivil seperti yang terdapat dalam TPPA, tetapi beberapa teks rundingan RCEP yang dibocorkan membuktikan sebaliknya. Pada bulan Oktober 2015, bab berkenaan dengan pelaburan, bab tentang hakmilik intelek dan bab berkaitan dengan barangan telah dibocorkan.

Daripada maklumat dalam bab-bab perjanjian yang dibocorkan ini, kita amat terkejut kerana ianya mengandungi klausa dan terma-terma yang bermasalah seperti:

a. Mengekalkan mekanisme tribunal antarabangsa ISDS (*Investor-State Dispute Settlement*) yang membolehkan syarikat swasta dari mana-mana negara RCEP untuk menyaman Malaysia jika tindakan kerajaan negara kita dianggap menyekat keuntungan atau pelaburan mereka, walaupun bertujuan untuk menjaga kepentingan awam.

b. Peningkatan tempoh hakmilik intelek (dengan memberikan 5 tahun untuk penyimpanan data secara eksklusif), maka rakyat dinafikan hak memperoleh ubat generik murah dari India.

c. Penyingkiran tarif (cukai) import dan cukai eksport yang menjejaskan pendapatan negara.

d. Liberalisasi ekonomi yang mendalam, peningkatan peranan syarikat swasta sebagai pembekal khidmat asas seperti kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kemerosotan fungsi kerajaan sebagai pembekal perkhidmatan asas rakyat. Perkhidmatan awam akan menuju kepada keuntungan bukannya tanggungjawab sosial.

e. Pengaliran data rahsia individu ke negara lain, boleh disalahgunakan sebagai sumber perniagaan dalam E-Commerce.

f. Petani dalam jangka masa panjang akan kehilangan hak untuk menyimpan benih tanamannya, dan akan dipaksa membeli daripada syarikat yang memiliki hakmilik cipta benih tersebut.

Jelas bahawa RCEP tidak kurang bisanya dan ianya mengekalkan kebanyakan kepentingan pihak korporat untuk membelakangkan kepentingan awam demi mengaut keuntungan lumayan. TPPA atau RCEP perlu dibantah, kerana ketamakan korporat untuk

mengaut keuntungan bersifat serupa tanpa mengira bangsa dan warna kulit, sama ada ianya didalangi Amerika Syarikat atau kuasa korporat Asia.

PSM amat kecewa pada MITI kerana sekali lagi MITI melakukan pengkhianatan terhadap rakyat dengan bersetuju kepada RCEP yang jelas mengekalkan segala terma TPPA yang dibantah dengan begitu hebat oleh pelbagai sektor masyarakat Malaysia sejak dua tahun yang lalu.

Tambahan pula, rundingan RCEP dilakukan secara rahsia! Justeru, PSM menyeru MITI dan Putrajaya membongkarkan segala perkara yang telah dipersetujui di belakang tabir bilik tertutup kepada rakyat Malaysia dengan segera.

PSM juga mendesak Menteri MITI supaya menjelaskan kandungan perjanjian ini kepada rakyat jelata.

Hentikan rundingan rahsia! Tolak RCEP yang utamakan korporat sementara mengetepikan rakyat! ##



Masyarakat OA Pos Lanai tekad berjuang halang Empangan Telom



Dalam sidang akhbar yang diadakan pada 5 Ogos yang lalu di Kuala Lumpur, Jawatankuasa Bertindak Pos Lanai melancarkan Tabung Perjuangan untuk kerja-kerja organisasi masyarakat orang asal (OA) dalam menghalang Tenaga Nasional Berhad (TNB) daripada membina Empangan Telom di kawasan Cameron Highlands, Pahang.

Menurut Jeffry Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Wilayah Adat OA Pos Lanai, “Perjuangan ini telah bermula sejak awal tahun 2013. Jawatankuasa Bertindak ditubuhkan untuk mempertahankan tanah adat OA daripada ancaman pembinaan Empangan Telom. Walaupun peguam yang mewakili kami, Yudistra dan rakan-rakannya, membantu kami secara ‘pro-bono’, kami masih mempunyai pelbagai perbelanjaan yang memakan kos, seperti kos pengangkutan dan makanan semasa menghadiri kes di mahkamah ataupun persiapan menghadapi kes mahkamah, perbelanjaan pembayaran oleh firma peguam, serta perbelanjaan untuk menyempurnakan

peta komuniti Pos Lanai.”

Yudistra, peguam yang mewakili JK Bertindak Pos Lanai, telah menerangkan kes mahkamah yang sedang berjalan berkaitan dengan isu pembinaan Empangan Telom. Beliau telah membongkarkan penyalahgunaan institusi mahkamah oleh pihak TNB untuk mencero boh tanah adat OA di Pos Lanai. Pada bulan Ogos 2015, JK Bertindak OA Pos Lanai mendapat injuksi daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk menghalang kerja-kerja TNB dalam pembinaan Empangan Telom. Namun, pihak TNB telah memfail dan mendapatkan injuksi *ex parte* (perintah mahkamah yang diperoleh secara satu pihak sahaja) di Mahkamah Tinggi Temerloh untuk memasuki kawasan tanah adat OA dengan alasan untuk pembinaan satu lagi empangan, Empangan Ulu Jelai. Baru-baru ini, TNB telah memohon satu lagi injuksi di Mahkamah Tinggi Temerloh untuk menghalang masyarakat OA di Pos Lanai untuk memfail kes ke atas TNB kerana tindakan TNB yang menghina mahkamah. Yudistra menyifatkan tindakan TNB ini adalah sesuatu yang

licik dan tidak jujur. Tindakan TNB cuba menyalahgunakan institusi kehakiman untuk membatalkan injuksi yang telah diperoleh oleh OA di Pos Lanai, menunjukkan TNB sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk meneruskan pembinaan Empangan Telom.

- Antara fakta-fakta yang perlu diketahui mengenai Empangan Telom:
1. Kerajaan Negeri Pahang dan Suruhanjaya Tenaga memberikan kelulusan Dasar Pelaksanaan Projek untuk Empangan Telom tanpa sebarang laporan penilaian daripada Jabatan Alam Sekitar ataupun mengadakan perbincangan dengan masyarakat OA yang tinggal di kawasan yang terlibat.
 2. Empangan yang mempunyai takungan air seluas 7,600 hektar ini hanya boleh menjana tenaga elektrik sebanyak 132 MW.
 3. Empangan ini merupakan empangan ketiga besar di Semenanjung Malaysia selepas Empangan Kenyir (36,9000 hektar) dan Temenggor (15,9000 hektar).
 4. Empangan ini hampir 60 kali ganda lebih besar daripada Empangan Ulu Jelai yang baru siap dibina di Cameron Highlands.
 5. Empangan ini akan menenggelamkan penempatan OA seperti Pos Lanai, Kampung Medang, Kampung Dabil, Kampung Ticah dan

Kampung Jiter, yang melibatkan hampir 300 buah keluarga OA (lebih kurang 1500 orang penduduk).

Masyarakat OA di Pos Lanai bertekad untuk memperjuangkan hak tanah adat OA dan menghalang pembinaan Empangan Telom yang menjejaskan kehidupan mereka.

Turut bersama dalam perjuangan OA di Pos Lanai adalah PSM Cawangan Cameron Highlands yang sentiasa memberi sokongan dari segi memperkasakan kuasa rakyat.

Segala sumbangan untuk Tabung Perjuangan OA dalam melawan pembinaan Empangan Telom, boleh disalurkan kepada akaun Maybank “J POS LANAI” (nombor akaun: 5560-4805-6948).

Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Wilayah Adat OA Pos Lanai juga mempelawa individu-individu atau badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin pada isu ini untuk datang dan tinggal bersama masyarakat OA sehari dua di Pos Lanai sebagai tanda solidariti, di samping menikmati kehidupan yang tenang tanpa pengaruh negatif dunia luar. Untuk mengatur lawatan ke kampung OA di Pos Lanai, sila hubungi Jeffry Hassan di talian 012-9622742.##



Penduduk Cheras Hartamas berjuang halang pilon elektrik



5 orang penduduk di Taman Cheras Hartamas telah ditahan pada 9 Ogos yang lalu, apabila mereka cuba menghalang kerja-kerja pembinaan tiang pilon elektrik kuasa tinggi TNB. Kesemua mereka telah dibebaskan selepas diambil kenyataan di Balai Polis Batu 9, Jalan Cheras, Kajang, Selangor.

Para penduduk yang membimbangkan kesihatan dan keselamatan mereka diancam oleh radiasi medan elektromagnetik (EMF) daripada jajaran kabel elektrik kuasa tinggi yang mengelilingi kawasan perumahan tersebut, telah melakukan pelbagai usaha untuk menuntut

jaminan keselamatan daripada pihak berkenaan dan juga perubahan pada laluan jajaran kabel elektrik.

Jajaran talian elektrik kuasa tinggi yang dibina mengelilingi Taman Cheras Hartamas sekarang ini sebenarnya boleh mengelakkan kawasan perumahan tersebut dengan mudah sahaja. Sekiranya jajaran talian elektrik itu melintas secara melurus, secara pratikalnya TNB akan menjimatkan kos pembinaan 7 tiang pilon setinggi 100 kaki setiap satu, tambahan pula dengan penjimatan kos kabel yang terpaksa ditarik lebih jauh untuk mengelilingi taman ini. Oleh itu, adalah tidak

masuk akal untuk membina jajaran kabel elektrik mengelilingi Taman Cheras Hartamas tetapi pihak TNB masih berdegil berbuat demikian walaupun penduduk-penduduk di situ telah menyuarakan bantahan mereka sejak tahun 2009 lagi.

Pada 10 Ogos, penduduk di Taman Cheras Hartamas meneruskan protes mereka membantah pembinaan pilon elektrik yang mengelilingi kediaman mereka. Mereka menuntut pada kerajaan negeri Selangor supaya campurtangan segera dan memberhentikan kerja-kerja TNB, kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan Selangor tidak dipenuhi oleh TNB.##



Tabung Pemberhentian Kerja bukan sesuatu yang mustahil

PSM telah melancarkan kempen Tabung Pemberhentian Kerja sejak bulan September 2015. Sebelum ini, pada tahun 2002, Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) juga telah menyatakan perkara ini sebagai salah satu daripada 6 tuntutan semasa berkempen untuk pelaksanaan gaji minimum.

Walau bagaimanapun, pengwujudan dan pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja bukan sesuatu yang mustahil, malahan negara kita jauh di belakang dalam perkara ini. 73 buah negara daripada jumlah 195 buah negara di dunia kita hari ini, sudahpun ada perlindungan Tabung Pemberhentian Kerja kepada pekerja di negara mereka.

Setakat tahun 2015, undang-undang Tabung Pemberhentian Kerja ataupun ada yang dipanggil Skim Insurans Pekerjaan dilaksanakan secara wajib di 8 negara di Asia. Undang-undang

ini mula diperkenalkan di Jepun (1947), diikuti dengan China (1986), Korea Selatan (1995), Mongolia (1997), Taiwan (1999), Thailand (2004), Bahrain (2006) dan akhirnya di Vietnam (2009).

Kenapa skim sebegini penting?

1. Menstabilkan ekonomi

Tabung Pemberhentian Kerja akan membawa impak positif kepada pasaran buruh, sama ada pekerja mahupun majikan. Skim ini akan membantu semasa ekonomi lembab. Tunai di tangan pekerja akan meningkatkan kepenggunaan. Banyak kajian pernah dibuat tentang fungsi Tabung Pemberhentian Kerja ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa tabung sebegini membantu ekonomi dan mengurangkan risiko kemelesetan, melicinkan kepenggunaan pada tahap tinggi, dan bertindak sebagai penstabil makroekonomi secara automatik.

2. Pengimbangan pembelian dan penjimatan

Apabila ekonomi merosot, ramai diberhentikan kerja. Tabung Pemberhentian Kerja boleh

membantu dalam tempoh masa yang agak lama di mana pekerja tiada pekerjaan. Pekerja dapat membeli barangan. Ini mengimbangkan pembelian dan penjimatan.

Rujukan kertas perbincangan: Labor Market Effects of Unemployment Insurance Design, IZA DP No. 6950, Konstantinos Tatsiramos and Jan C. van Ours, October 2012 <http://ftp.iza.org/dp6950.pdf>

3. Sikap positif

Pekerja akan bersikap lebih positif kerana kehidupan dapat ditampung sementara oleh Tabung Pemberhentian Kerja semasa kehilangan kerja. Oleh itu, mereka dapat mencari pekerjaan lain yang sesuai. Mereka juga tidak menghadapi kesukaran ekonomi semasa masih mencari kerja.

4. Keuntungan produktiviti

Majikan mendapat keuntungan kerana dapat mencari pekerja yang produktif dengan sikap dan kebolehan yang sesuai.

5. Mengurangkan kemiskinan

Tabung Pemberhentian Kerja menguntungkan pekerja, keluarga pekerja, majikan, kerajaan dan masyarakat kerana mengurangkan kemiskinan dan beban hutang pekerja. Rumah dan harta lain tidak dilelong apabila pekerja hilang kerja secara tiba-tiba.

6. Membantu syarikat yang bankrap

Apabila syarikat bankrap dan pekerja diberhentikan kerja, para pekerja masih boleh terima wang pampasan daripada Tabung Pemberhentian Kerja. Sekarang ini, jika syarikat bankrap, pekerja tidak mendapat satu sen pun.

7. Polisi aktif cari kerja

Polisi aktif cari kerja atau dasar pasaran buruh aktif (ALMP) digalakkan bersama-sama dengan pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja. Mesti ada program kerajaan yang memberi latihan semula untuk membantu pekerja mencari pekerjaan di bawah skim Tabung Pemberhentian Kerja.

8. Matlamat adalah kembali bekerja

Pekerja yang tidak ada kerja mesti kembali bekerja. Tabung Pemberhentian Kerja hanya sementara saja untuk melindungi pekerja supaya masih menikmati hak sebagai manusia dan dapat hidup.



Kempen giat berjalan

Kempen jelajah menuntut pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja telah dilancarkan oleh PSM pada 4 Ogos yang lalu di Selangor. Rombongan PSM menjelajah ke kawasan-kawasan perindustrian di Selangor untuk memberi penerangan kepada pekerja-pekerja dan mengutip tandatangan poskad yang mendesak kerajaan supaya melaksanakan tabung ini.


Risalah telah diedarkan dan sambutan daripada orang ramai sangat memberangsangkan. Ramai yang khuatir tentang situasi ekonomi negara kita kerana terdapatnya semakin banyak berita tentang penutupan kilang dan pemberhentian kerja secara tiba-tiba. Secara umumnya, para pekerja mudah menerima konsep Tabung Pemberhentian Kerja ini kerana tiada sebarang perlindungan kepada pekerja pada masa kini sekiranya syarikat mufils dan pekerja hilang kerja secara tiba-tiba. Pekerja akan ditolak ke dalam kancan kemiskinan dalam sekelip mata jika tiada apa-apa perlindungan apabila diberhentikan kerja kerana syarikat bankrap. Pekerja yang diberhentikan kerana syarikat bankrap biasanya tidak menerima gaji bulan terakhir dan juga tidak dibayar pampasan pemberhentian kerja. Tambahan pula, mereka akan menganggur untuk

seketika waktu sehingga mendapat kerja baru. Oleh itu, jika kerajaan menggubal undang-undang untuk mewujudkan Tabung Pemberhentian Kerja, masalah sebegini boleh diatasi.

Jelajah kempen untuk pelaksanaan Tabung Pemberhentian Kerja ini telah meliputi kebanyakan kawasan perindustrian di sekitar negeri Selangor, termasuk Serdang, Bangi, Semenyih, Beranang, Banting, Dengkil, Selayang, Batu Caves, Ulu Klang, Rawang, Bukit Beruntung, Hulu Selangor, Sungai Buloh, Shah Alam, Subang dan Klang.

Kempen ini akan diteruskan di negeri-negeri lain pada masa akan datang. Tandatangan poskad yang dikutip semasa kempen ini juga akan diserahkan kepada pihak kerajaan pada masa yang akan datang.

PSM juga mewujudkan talian hotline untuk pekerja membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat sekiranya menghadapi masalah pemberhentian kerja.



**Jika majikan gagal melaksanakan gaji minimum RM 1000 atau syarikat tiba-tiba tutup dan anda hilang kerja...
Telefon/SMS/whatsapp kepada nombor-nombor berikut:**

Negeri	Hotline
Kuala Lumpur	010-2580455
Selangor	016-4407422
Perak	018-4633500
Pulau Pinang	019-5669518
Kedah	017-5824532
Pahang	019-5696964
Negeri Sembilan	012-2414351
Melaka	016-3963459
Johor	017-7540597
Kelantan	013-9701934
Terengganu	013-9398975

atau hubungi Biro Pekerja PSM
Tel: 010-2402159 / 010-2580455
E-mel: jani6028@yahoo.com
Facebook: [@tabungpekerja](https://www.facebook.com/tabungpekerja)

Masalah berkaitan migrasi buruh boleh selesai dengan kesungguhan politik

oleh Rani Rasiah

Satu sesi persidangan meja bulat berkenaan dasar menyeluruh tentang migrasi buruh telah diadakan pada 4 Ogos yang lalu. Perbincangan semasa sesi meja bulat tersebut menunjukkan pihak-pihak yang berkaitan dengan isu ini bersetuju dalam banyak perkara asas berkenaan dengan migrasi buruh. Ini memberi harapan bahawa punca banyak masalah yang melanda migrasi buruh sekarang ini dapat ditangani tanpa banyak bantahan dan tuntutan yang bercanggahan daripada pihak-pihak yang bertentangan. Yang tinggal hanyalah untuk pembuat dasar negara kita cuba melakukan perubahan kepada keadaan secara ikhlasnya.

Sesi meja bulat tersebut dianjurkan oleh Jaringan Menegakkan Hak untuk Pembelaan bagi Pekerja Migran bersama dengan Jabatan Pengajian Pembangunan yang di bawah Falkuti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya sebagai tuan rumah. Fokus sesi ini adalah menumpu pada aspek-aspek pengambilan pekerja migran dan isu-isu pekerjaan. Program ini dihadiri oleh wakil-wakil daripada pihak kerajaan, majikan dan pekerja, termasuk pegawai-pegawai dari kedutaan negara-negara penghantar pekerja, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan juga organisasi masyarakat sivil.

Singkirkan amalan bermotifkan keuntungan daripada pengambilan dan pengurusan pekerja migran

Syor yang signifikan sekali oleh kedua-dua pihak Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan pihak pekerja adalah motif keuntungan harus dikikis dan disingkir keluar daripada pengambilan dan pengurusan pekerja migran. Pengambilan pekerja migran harus ditentukan oleh keperluan gunatenaga yang sebenar di negara kita. Ianya harus menjadi pelengkap kepada gunatenaga tempatan, dengan mengambilkira juga punca-punca gunatenaga yang sedia wujud di negara kita seperti pekerja migran tanpa dokumen dan pelarian.

“G-G” dan penghapusan penglibatan ejen swasta

Selaras dengan prinsip ini, semua pihak berkepentingan yang hadir dalam sidang meja bulat bersetuju dengan mekanisme “G-G” (kerajaan berurusan terus dengan kerajaan) dalam hal pengambilan dan pengurusan gunatenaga migran, dan penghapusan sepenuhnya penglibatan ejen-ejen swasta. Adalah dipersetujui bahawa dengan mengeluarkan motif keuntungan, banyak masalah berkaitan dengan migrasi buruh dapat diatasi.

Satu masalah utama yang boleh diatasi oleh G-G adalah lebihan pembekalan gunatenaga migran yang menyumbang kepada kewujudan

pekerja tanpa dokumen dalam jumlah yang amat besar, dan masalah buruh paksa, serta melemahkan kuasa tawar-menawar untuk semua pekerja. Ini bukannya langkah kecil kerana penglibatan ejen-ejen swasta yang banyak dalam perolehan dan pengurusan pekerja migran. Baru-baru ini, satu usaha pengambilan pekerja migran oleh kerajaan telah menarik permohonan untuk membawa masuk seramai 21,000 pekerja ke sektor perladangan. Proses penapisan rasmi telah mendedahkan bahawa hanya 3,000 orang pekerja sahaja diminta oleh majikan *bona fide* (yang jujur), 18,000 pekerja yang selebihnya dicari oleh majikan yang palsu! Oleh itu, seperti yang dijangkakan, mekanisme G-G ini tidak mendapat sambutan daripada mereka yang menganggap pembekalan pekerja migran itu sebagai satu bisnis untuk mengaut keuntungan lumayan.

Dengan mengawal aspek pembekalan dan pengurusan, G-G boleh membantu dalam menyingkirkan insentif untuk berniaga dalam perdagangan bekalan pekerja migran, dan seterusnya dapat membendung pemerdagangan manusia.

Masalah pengikatan hutang dan pendedahan kepada pembulian majikan, yang diakibatkan oleh yuran pengambilan kerja tinggi yang dikenakan oleh ejen swasta di negara-negara penghantar juga dapat ditangani secara berkesan melalui mekanisme G-G. Buat masa ini, pekerja migran terpaksa meminjam banyak wang untuk membayar kos pengambilan kerja, sehingga terpaksa bekerja tanpa gaji untuk 6 bulan demi menjelaskan hutang. Kos pengambilan kerja melalui G-G hanya satu perempat yang dikenakan oleh ejen. Contohnya, kos pengambilan seorang pekerja Bangladesh melalui G-G ialah RM3,000, tetapi angka ini mencecah setinggi RM13,000 sekiranya melalui ejen swasta.

Hanya satu laporan kesihatan daripada klinik bereputasi di negara asal

Kos boleh dikurangkan lagi dengan menghapuskan amalan masa kini di mana setiap pekerja terpaksa menjalani dua kali pemeriksaan kesihatan, satu di negara asalnya dan satu lagi di Malaysia. Pihak majikan telah menyuarakan ketidakpuashatian mereka tentang bagaimana kos memperoleh laporan perubatan telah meningkat secara mendadak daripada RM60 ke RM180 selepas



perkhidmatan ini diswastakan kepada FOMEMA. Adalah disyorkan hanya perlu satu laporan kesihatan untuk setiap pekerja migran yang dikeluarkan oleh klinik/hospital yang bereputasi di negara asalnya.

Hanya satu kementerian untuk menangani semua aspek berkaitan dengan pekerjaan bagi pekerja migran

Buat masa kini, terlalu banyak kementerian terlibat dalam migrasi buruh dan penyelarasan antara mereka adalah amat sedikit dan lembab. Tambahan pula, Kementerian Dalam Negeri yang seharusnya hanya berurusan dengan semua hal ehwal imigrasi dan keselamatan berkaitan dengan perburuhan migran, berkuasa juga untuk menetapkan kata putus dalam perkara berkaitan dengan kerja. Penetapan sebegini dilihat sebagai sesuatu yang bermasalah untuk semua pihak berkepentingan. Adalah disyorkan supaya hanya satu kementerian, iaitu Kementerian Sumber Manusia, yang harus bertanggungjawab dan mengurustadbir semua hal berkaitan kerja.

Kesungguhan politik diperlukan untuk perubahan sebenar



Apa yang jelas sekali dalam hasil perbincangan meja bulat ini adalah, dasar-dasar yang sedia ada berkenaan dengan pengambilan dan pengurusan pekerja migran harus dirombak sepenuhnya. Selain itu, adalah amat mustahak juga untuk aspek-aspek perubahan ini dilakukan dengan sokongan penuh daripada pekerja-pekerja dan majikan-majikan. Sekarang adalah dalam tangan pembuat dasar untuk membuat perubahan. Perubahan-perubahan yang disyorkan itu bukannya benda-benda yang baru, dan ada perkara yang sudahpun diamalkan sekarang ini, misalnya, G-G sedang wujud dengan beberapa negara penghantar pekerja migran yang tertentu.

Apa yang diperlukan adalah kesungguhan politik untuk melakukan perubahan-perubahan yang asas ini. Bidang migrasi buruh telah menjadi salah satu sektor di mana kerajaan menggunakannya untuk “tindakan afirmatif” yang mewujudkan lapisan kelas kontraktor Bumiputra. Maka satu perubahan besar dalam pemikiran pemerintah diperlukan. Ini bukanlah satu perkara yang senang, kerana ianya bukan lagi suatu tindakan afirmatif semata-mata, tetapi telah disalahgunakan untuk agenda kepentingan diri sesetengah pihak. Peluang perniagaan yang besar dan lumayan dalam sektor migrasi buruh telah digunakan untuk mengkayakan kroni-kroni elit politik. Tugas mengambilalih pengambilan dan pengurusan pekerja migran daripada tangan swasta bukannya sesuatu yang mudah untuk kerajaan. Namun, ini adalah sesuatu yang tidak boleh lagi ditangguhkan oleh kerajaan. ##

Parti Bersatu – antara parti perkauman & realpolitik?

Mengapa anak muda semakin bosan untuk menyertai parti politik?

oleh S. Arutchelvan

Pada 9 Ogos yang lalu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin menyerahkan borang permohonan pendaftaran parti baru dan mengumumkan nama parti baru adalah Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) yang terbuka kepada “semua warganegara”. Muhyiddin, mantan Timbalan Presiden UMNO yang telah disingkirkan, mengumumkan bahawa “keahlian BERSATU adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berstatus pribumi Melayu termasuk Orang Asli dan anak negeri Sabah dan Sarawak, seperti yang ditakrifkan dalam perlembagaan Malaysia, perlembagaan negeri dan undang-undang negara”.

Namun, diketahui umum bahawa orang yang menarik tali di belakang Muhyiddin adalah Mahathir Mohamad. Muhyiddin tidak mempunyai sejarah berjuang menentang status quo. Beliau naik dalam politik kerana peranannya bermain politik selamat dan “yes man”. Beliau tidak mempunyai keberanian seperti Anwar Ibrahim yang mencetuskan gerakan Reformasi mahupun mempunyai karisma seperti Musa Hitam yang dilihat sebagai seorang Timbalan Presiden UMNO yang berwibawa. Malah beliau juga tidak mempunyai sejarah melawan kepimpinan seperti Timbalan Presiden UMNO sekarang, iaitu Zahid Hamidi.

Walaupun Mahathir tidak memegang jawatan utama, tetapi diketahui umum bahawa beliau adalah ikon parti ini. Mahathir yang mempunyai sejarah melawan Tunku Abdul Rahman dan Hussein Onn semasa mereka menjadi Presiden, dan kemudiannya melawan Musa Hitam, Tengku Razaleigh dan Anwar Ibrahim kerana cubaan mereka menggulingkan beliau, lepas itu menyambung perlawanan menentang Abdullah Badawi dan kini pula mensasarkan Perdana Menteri Najib Razak. Jika diperhatikan betul-betul, politik Malaysia akan menjadi bosan dan lesu jika tidak ada Mahathir. Mahathir menjadi watak utama untuk 6 dekad dari 1960-an sehingga hari ini.

Tujuan utama parti Mahathir ini adalah untuk menentang Presiden UMNO sekarang, iaitu Najib Razak. Tanpa menyembunyikan niatnya, Parti Bersatu mengumumkan tujuan mereka adalah untuk menewaskan UMNO dalam pilihanraya umum yang akan datang, dan parti ini juga akan bekerjasama dengan Pakatan Harapan serta PAS untuk menewaskan dan menjatuhkan UMNO-BN dalam pilihanraya yang akan datang.

Penubuhan parti baru ini seperti kesinambungan daripada Gerakan Selamatkan Malaysia yang menggunakan pentas Deklarasi Rakyat

dan bekerjasama dengan parti pembangkang serta beberapa pertubuhan masyarakat sivil. Namun, inisiatif untuk mendapat jutaan tandatangan dan menyerahkan memorandum kepada Yang Di-Pertuan Agung ini seperti tidak membuahkan hasil.

Walau bagaimanapun, pendedahan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) yang membongkarkan kepincangan 1MDB dan peranan yang dimainkan oleh orang-orang yang rapat dengan Najib, termasuk anak tirinya, memberi nafas baru kepada perjuangan Mahathir dan penentang Najib. Najib dan puak-puak yang rapat dengannya secara cepat cuba memberikan gambaran bahawa ini adalah konspirasi antarabangsa dan terdapatnya campurtangan luar untuk menjatuhkan kerajaan demokratik yang dipimpin oleh Najib Razak. Malah, ada pemimpin UMNO yang menyifatkan ini sebagai satu cubaan Amerika Syarikat untuk menggulingkan Kerajaan Islam selepas Saddam Hussein dijatuhkan dengan cara yang sama di Iraq.

Penubuhan parti baru ini mendapat dua jenis reaksi awal. Satu adalah pandangan yang mengutuk parti ini sebagai parti perkauman. Muhyiddin Yassin menyangkal pandangan sebegini dengan menerangkan konsep parti ini. Beliau berkata, “keahlian BERSATU adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia berstatus pribumi Melayu termasuk Orang Asli dan anak negeri Sabah dan Sarawak seperti yang ditakrifkan di dalam perlembagaan Malaysia, perlembagaan negeri dan undang-undang negara. Selain itu, keahlian parti terbuka kepada warganegara Malaysia yang lain sebagai ahli bersekutu. Mereka mempunyai hak yang sama dengan ahli biasa kecuali mengundi atau bertanding mana-mana jawatan dalam parti.”

Ini telah mendapat kecaman kerana ia kembali kepada politik Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Ia juga memberi gambaran bahawa orang Bukan Bumiputera boleh sertai tetapi tidak boleh memimpin atau memegang jawatan. Ini satu penghinaan kepada konsep Malaysia dan perpaduan kaum yang cuba dipupuk selama ini.



Namun, terdapat satu lagi kumpulan yang berkata bahawa, secara “realpolitik” tindakan Mahathir adalah betul dan tepat sekali kerana tujuan parti ini hanyalah untuk menewaskan UMNO dan mengurangkan sokongan UMNO, malah cara terbaik adalah mewujudkan satu parti Melayu untuk memecahkan undi Melayu dan sekaligus menewaskan UMNO-BN.

Penghujah “realpolitik” (politik benar) tidak berlandaskan kepada prinsip atau dasar perjuangan yang betul. Bagi mereka, politik adalah seni merampas kuasa dengan apa jua cara pun. Mahathir pernah digelar Machiavelli dan beliau akan membuat apa sahaja untuk mencapai agenda politiknya.

Namun, ada satu lagi golongan besar yang semakin hari semakin bosan dengan parti-parti politik ini. Sindrom semakin bosan dan tidak percaya kepada parti politik berlaku di seluruh dunia. Ramai rakyat terutamanya golongan anak muda semakin tidak percaya pada parti politik masa kini. Mereka melihat parti politik semuanya kaki penipu dan hanya untuk rampas kuasa demi kepentingan sendiri.

Bagi golongan ini, realpolitik adalah apabila politik itu dapat membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan dan penindasan. Terbukti politik yang dibawa oleh Parti Bersatu dan juga parti pembangkang hari ini lebih menjurus kepada agenda sempit untuk merampas kuasa supaya mereka boleh mendapat akses kepada khazanah negara dan sebagainya.

Justeru, parti-parti berhaluan kiri di dunia dan juga ahli politik yang sebelum ini tidak mendapat banyak sokongan kini menjadi wira kepada anak-anak muda. Jeremy Corbyn di Britain dan Bernie Sanders daripada Parti Demokrat di Amerika Syarikat mendapat sokongan ramai anak muda dan rakyat biasa. Pandangan-pandangan

mereka yang menentang sistem kapitalis neo-liberal yang sebelum ini kurang mendapat sokongan kini mendapat sokongan ramai kerana dalam jangkamasa panjang, rakyat dapat menilai apakah itu realpolitik. Mereka tahu apa yang dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin berhaluan kiri adalah konsisten dan benar.

Di Malaysia, rakyat sudah bosan dengan parti Barisan Nasional dan juga semakin hari semakin bosan dengan parti Pakatan Harapan. Walaupun ramai yang ketagihan untuk pembangkang menang sekali dalam pilihanraya Parlimen, tetapi tingkahlaku pembangkang yang sering bergaduh, bermain politik sempit dan perkauman turut menyebabkan sebahagian rakyat menjadi bosan dan mencari alternatif baru.

Parti baru Mahathir sebenarnya adalah parti politik lama. Mahathir yang berusia 92 tahun terus menjadi watak yang paling aktif pada masa kini. Ramai juga yang semakin putus asa menanti Anwar Ibrahim. Rakyat justeru cukup teruja apabila wujud nama baru seperti Anis Syafiqah Md Yusof. Namun, ramai anak muda yang jadi terkenal dengan cepat kadangkala dengan mudahnya diresap ke dalam struktur parti tradisi dan mereka kemudian dilihat sebagai satu lagi oportunis politik. Ini adalah satu trend yang dipanggil sindrom nak jadi YB. Ini terus mengecewakan ramai orang yang mahu melihat satu gerakan politik baru yang segar dan tidak tercemar dengan politik lama.

Politik baru adalah politik penentangan. Ia wujud dalam pelbagai wajah dan sebagai gerakan baru. Ia menjadi anti-tesis kepada politik lama. Politik baru menentang politik rasuah. Politik baru menentang sistem perkauman. Politik baru menentang sistem feudal. Politik baru yang akan membebaskan majoriti rakyat daripada sistem kapitalis yang mengancam rakyat majoriti semakin hari semakin mendapat sokongan ramai. Politik baru mesti berjuang demi membebaskan kaum rakyat yang terbanyak, bukannya untuk mengekalkan kekayaan segelintir. ##



Anak muda cipta sejarah



oleh Nik Aziz Afiq Abdul, Pemangku Setiausaha Pemuda PSM

Sejarah tercipta pada 27 Ogos 2016. Rakyat turun ke jalan melawan kebatilan melalui seruan lantang anak muda mahasiswa dan mahasiswi yang giat menentang seluruh pertiwi menyingkap salahlaku yang makin membusuk dalam urustadbir negara.

Masyarakat kita terdiri daripada pelbagai sektor, setiap sektor atau kelompok mempunyai kuasanya

tersendiri. Namun, malangnya apabila melibatkan protes tunjuk perasaan membantah sesuatu kezaliman, sektor atau kelompok masyarakat ini hanya akan bergerak apabila dianjurkan parti-parti politik. Seakan-akan parti politik itu lebih besar dan berkuasa daripada gerakan masyarakat sehingga perlu menunggu ajakan parti politik untuk turun ke jalanraya. Sepatutnya sektor-sektor inilah yang bergerak dan memacu haluan dan parti-parti politiklah yang perlu mengikut kehendak masyarakat.



Maka kerana itu, kami melihat aksi #TangkapMO1 pada 27 Ogos ini sebagai bersejarah, apabila kelompok mahasiswa-mahasiswi dan anak muda yang memilih untuk bangkit dan menganjurkan himpunan ini dan parti-parti politik sekadar menjadi "jemputan" semata-mata. Ini satu permulaan yang sihat.

Buat rakan-rakan mahasiswa-mahasiswi dan anak muda, dapatkan rehat secukupnya, kini menjadi tanggungjawab anda

memperkasakan sektor dan kelompok masyarakat yang lain. Para penoreh getah, petani, nelayan, pemandu lori, pembawa teksi dan banyak lagi kumpulan masyarakat memerlukan semangat anda untuk ditumpang dan menjana kebangkitan untuk berani menyanggah tiap yang salah meskipun si pesalah itu merupakan pemerintah tertinggi.

Negara yang terdiri daripada masyarakat yang berani, akan melahirkan pemimpin yang takut untuk berbuat salah. ##

#TangkapMO1

Bebaskan mahasiswa



oleh Sharan Raj

Bergema suara lantang wakil mahasiswa di Ibupejabat Polis Daerah Sri Iskandar, Perak, pada malam 21 Ogos yang lalu sebagai tanda solidariti kepada 3 orang aktivis mahasiswa yang ditahan polis dan dinafikan hak guaman. Ketiga-tiga orang aktivis tersebut ditahan kerana cuba masuk ke kampus UiTM Sri Iskandar dalam program jelajah untuk menerangkan kepada mahasiswa tentang perhimpunan #TangkapMO1 yang diadakan pada 27 Ogos.

Perhimpunan #TangkapMO1 merupakan reaksi mahasiswa kepada kerajaan yang enggan mengambil tindakan undang-undang serta membenarkan pihak berkuasa untuk menyalahgunakan skandal 1MDB. Jabatan Perundangan (DOJ) Amerika Syarikat telah menamakan seorang pegawai rasmi tertinggi dalam pentadbiran kerajaan persekutuan Malaysia sebagai dalang utama dalam skandal 1MDB dan diberikan terma "Malaysian Official 1" (MO1). DOJ turut mengetengahkan bahawa berbilion-bilion ringgit telah dicuri daripada 1MDB melalui beberapa jaringan syarikat proksi ("shell company") di beberapa buah negara sebelum sampai ke kocek beberapa pegawai korup dan golongan elit

seperti Riza Aziz dan Jho Low.

Anis Syafiqah daripada Universiti Malaya yang mengetuai mahasiswa/mahasiswi telah mengumumkan himpunan #TangkapMO1 untuk mendesak kerajaan dan penguatkuasa supaya melancarkan penyiasatan dan menangkap MO1. Perhimpunan ini juga bersejarah apabila mahasiswa IPTS pertama kali menghulur sokongan serta menjadi penganjur bersama. Aktivis IPTS berpaksikan kepada kebebasan akademik dan pendidikan percuma untuk semua

rakyat Malaysia berbeza dengan IPTA yang berpaksi kepada pentadbiran dan politik negara.

Mahasiswa-mahasiswi berasa amat kecewa dan marah dengan kerajaan persekutuan Malaysia yang seringkali mengungkit isu defisit dan kelembapan ekonomi negara demi mematahkan desakan mahasiswa IPTS untuk menggantikan PTPTN dengan Biasiswa Anak Malaysia (BAKA Malaysia). Pembongkaran DOJ mengejutkan mahasiswa IPTS bahawa kerajaan rela menanggung hutang sebanyak RM 42 bilion

walaupun sebahagian dana dicuri tetapi menolak pendidikan percuma untuk semua. Aktivis mahasiswa IPTS bersetuju untuk kali pertama bahawa secara rasmi akan memberi sokong penuh kepada aktivis IPTA. ##



Kilang yang tutup kembali operasi setelah pekerja berprotes

oleh Arutchelvan

Pada awal bulan Jun tahun ini, seramai lebih kurang 30 orang pekerja di kilang Yakcheong Metal Industries Sdn Bhd (YMI), kebanyakannya pekerja tempatan, secara tiba-tiba dimaklumkan secara tersirat bahawa syarikat akan tutup operasi. Kebanyakan pekerja ini telah bekerja untuk lebih 20 tahun dan majikan pula tidak memaklumkan secara bertulis tetapi hanya membisik-bisik kepada seorang dua pekerja.

Pada 14 Jun yang lalu, PSM menemui pekerja setelah menerima aduan tentang perkara ini, dan mula menerangkan hak mereka serta keperluan untuk mereka melawan majikan secara bersatu. Pada masa itu, ada pekerja yang takut tetapi kebanyakannya sedia bersama memandangkan nasib mereka semuanya sama sahaja.

Pada keesokan harinya, pekerja mula menyuarakan kepada majikan dan pada hari itu juga, iaitu pada 15 Jun 2016, syarikat YMI secara rasmi memberikan pekerja notis pemberhentian operasi di mana notis itu akan berkuatkuasa pada 15 Julai 2016. Majikan berkata bahawa dia tiada bisnes. Dia juga tidak mahu bincang mengenai pampasan dan faedah berhenti kerja.

Masa itu menjelang Hari Raya, pekerja berasa begitu tertekan. Namun mereka masih diberikan kerja dan ramai pekerja juga enggan percaya bahawa syarikat mereka akan ditutup. Majikan memberitahu mereka bahawa dia sudahpun memaklumkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan semua hal sudah selesai. Dia cuba memberi keyakinan bahawa dia melakukan semuanya mengikut prosedur. Kami kemudian terus mengadakan perbincangan dengan pekerja. Kami mengatakan bahawa pekerja mereka dengan sendiri perlu membuat aduan kepada JTK supaya hak dan kepentingan mereka dilindungi. Mereka pun sebulat suara setuju. Kami pun memberikan mereka sedikit latihan bagaimana membuat pengiraan faedah pemberhentian kerja.

Pada 28 Jun, beberapa orang pekerja YMI yang diketuai oleh Bala dan Zainuddin, iaitu pekerja yang paling lama bekerja di sana, bersama dengan PSM telah pergi ke Jabatan Tenaga Kerja Bagi pihak 32 pekerja untuk membuat aduan kerana dibuang kerja secara mengejut. Bala sudah bekerja untuk 27 tahun manakala Zainuddin pula 25 tahun. Pihak JTK memaklumkan bahawa ada dimaklumkan oleh majikan tetapi belum menyerahkan sebarang butiran yang diminta JTK.

Pihak akhbar juga ada membuat liputan isu ini.

Majikan mula khuatir bagaimana pekerja dengan sendiri dapat pergi ke Jabatan Tenaga Kerja. Pada 14 Julai 2016, iaitu sehari sebelum tempoh tamat operasi, dia memberitahu beberapa pekerja bahawa dia nak sambung sehingga 30 Julai, iaitu



dipanjangkan selama 15 hari lagi. Dia juga berkata, "jika mereka nak kerja, boleh kerja dan jika tak mahu, boleh keluar." Apabila ditanya tentang faedah henti kerja dan lain-lain, dia cakap dia tiada duit dan ini akan dibayar secara ansuran. Pekerja pula marah kerana dia ada duit untuk beli kereta baru tetapi dia cakap itu duit dia sendiri.

Maka, para pekerja buat pertama kalinya membuat keputusan untuk berkumpul dan bertanya hak mereka secara bersama, sama ada dia tawarkan kerja atau tidak? Mereka perlukan satu jawapan yang pasti, sama ada boleh terus bekerja atau tidak, kerana ini melibatkan hak jaminan kerja. Mereka juga ada keluarga dan anak-anak untuk dijaga, serta pelbagai hutang untuk dibayar.

Pada 15 Julai, mereka berkumpul secara beramai-ramai untuk bertanyakan tuntutan mereka. Majikan suruh mereka untuk sambung kerja dan dia janji akan beri surat.

Para pekerja pula telah menulis satu surat bertarikh 18 Julai 2016, di mana antara kandungan dan tuntutan mereka adalah:

1. Pekerja-pekerja Yak Cheong Metal Industries Sdn Bhd, telah ditawarkan oleh pihak majikan secara lisan, untuk meneruskan pekerjaan sehingga hujung bulan Julai atau satu masa depan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Justeru, pekerja-pekerja YMI ingin menegaskan bahawa surat pemberhentian kerja yang bertarikh 14 Jun 2016 dan berkuatkuasa pada 15 Julai 2016 adalah tidak sah memandangkan majikan telah meminta pekerja untuk sambung semula kerja.
2. Sehubungan dengan perkara (1), maka jika pihak majikan berhasrat untuk memberhentikan kerja para pekerja, maka undang-undang mensyaratkan majikan untuk mengeluarkan satu notis pemberhentian kerja selama 8 minggu mengikut Seksyen 12, Akta Pekerjaan, memandangkan kebanyakan pekerja sudah bekerja lebih daripada 5 tahun.
3. Pihak majikan juga memaklumkan bahawa majikan akan menjelaskan pampasan pemberhentian kerja

secara beransur-ansur dan pekerja-pekerja ingin menegaskan bahawa pampasan pemberhentian kerja harus dibayar sekali gus selaras dengan Seksyen 20 dan 21 Akta Pekerjaan 1955, di mana semua tunggakan gaji dan pampasan harus dibayar pada hari pemberhentian kerja.

4. Pekerja-pekerja YMI juga memohon pada majikan supaya menaikkan gaji pekerja kerana sekian lama gaji tidak dinaikkan.

Dalam surat tuntutan tersebut, pekerja-pekerja menegaskan bahawa segala masalah harus diselesaikan secara baik melalui proses rundingan.

Pada 18 Julai 2016, mereka memberikan majikan surat yang mempunyai 4 tuntutan ini. Salinan surat ini juga dihantar kepada JTK.

Setelah diberikan surat ini, majikan kini membuat satu keputusan untuk tidak membuang mereka. Pekerja pun menuntut surat secara hitam putih, dan pada 22 Julai 2016, mereka mendapat surat secara rasmi daripada majikan bahawa kerja mereka disambung semula.

Jika pekerja tidak menuntut hak mereka, kemungkinan mereka semua akan dibuang kerja dan mungkin majikan ada cara lain untuk meneruskan operasi dengan pekerja lain atau pindah kilang. Maka, ini adalah satu kejayaan dan menerangkan bahawa perjuangan secara kolektif membawa manfaat. Mereka pun gembira dapat bekerja semula dengan majikan mereka. ##

300 pekerja AAM tidak dibayar gaji 4 bulan



Pekerja-pekerja yang diupah oleh Persatuan Automobil Malaysia (AAM) telah berpiket di hadapan pejabat AAM di Shah Alam pada 16 Ogos yang lalu, sebagai bantahan terhadap tindakan majikan mereka yang tidak membayar selama 4 bulan!

Seramai lebih 300 orang pekerja AAM di seluruh negara tidak menerima gaji untuk hampir 4 bulan kebelakangan ini. Tambahan pula, AAM juga tidak membuat caruman KWSP bagi pekerjaannya untuk satu tahun yang lepas.

Pihak pengurusan AAM telah beberapa kali berjanji secara mulut bahawa akan membayar gaji, tetapi masih tidak menunaikan janjinya sehingga hari ini.

Oleh yang demikian, pekerja-pekerja AAM telah turun berpiket di pejabat AAM untuk menunjukkan ketidapuasatian mereka terhadap layanan yang diberikan oleh majikan yang tidak berperikemanusiaan ini. Para pekerja menuntut supaya gaji mereka dibayar dengan kadar segera.##

Hari memperingati perdagangan dan penghapusan hamba

oleh Letchimi Devi

Hari Antarabangsa bagi Memperingati Perdagangan Hamba dan Penghapusannya jatuh pada 23 Ogos setiap tahun.

Pada malam 22 hingga 23 Ogos 1791, lelaki dan wanita dari Afrika yang dijual sebagai hamba, telah bangun memberontak terhadap sistem hamba untuk mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan Haiti. Kemerdekaan negara Haiti dicapai pada Januari 1804. Pejuang-pejuang Haiti telah mengalahkan 3 kuasa besar Eropah ketika itu, iaitu Britain, Perancis dan Sepanyol. Kebangkitan yang berlaku itu merupakan satu titik perubahan dalam sejarah manusia. Ia telah memberi kesan kepada perkembangan pandangan umum tentang hak asasi manusia sejagat.

Menurut UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu), Hari Antarabangsa bagi Memperingati Perdagangan Hamba dan Penghapusannya ini dianjurkan sebagai tanda memberi penghormatan kepada semua yang memperjuangkan kebebasan, dan mengajar tentang cerita mereka serta nilai-nilai dalamnya. Kejayaan pemberontakan hamba di Haiti, yang diketuai oleh hamba itu sendiri, adalah satu inspirasi besar untuk memerangi segala bentuk penghambaan, perkauman, prejudis, diskriminasi kaum dan ketidakadilan sosial yang merupakan warisan penghambaan.

Adakah anda berasa diri anda bebas, atau terperangkap bagaikan hamba yang tak ada kebebasan untuk membuat keputusan sendiri dan membenarkan diri ditindas dan dihina oleh mereka yang lebih berkuasa?

Menurut laman web *Walk Free* (<https://www.walkfree.org/modern-slavery-facts/>), lebih daripada 45.8 juta penduduk dunia masih diperhambakan. Antaranya, menurut ILO (Pertubuhan Buruh Antarabangsa), dianggarkan seramai 68% mangsa perhambaan dijadikan buruh paksa dan separuh daripada mereka pula adalah wanita dan kanak-kanak perempuan. Laporan *Pemerdagangan Manusia* mengatakan bahawa seorang daripada 3 mangsa pemerdagangan manusia adalah kanak-kanak. Laporan keluaran Jabatan Buruh Amerika Syarikat pada 2014 pula berkata bahawa 136 barangan keluaran 74 negara di dunia menggunakan buruh kanak-kanak.

Menurut laman *Change Your World* (<http://www.changeyourworld.com.my/about-us/modern-day-slavery/>) yang membawa fakta-fakta mengenai perhambaan zaman moden di Malaysia, kebanyakan mangsa pemerdagangan manusia di Malaysia



Pemberontakan hamba di Haiti pada tahun 1791

adalah di kalangan 2 juta orang pekerja migran yang berdaftar dan 1.9 juta lagi yang tidak berdokumen. Pada tahun 2007, lebih daripada 1,600 orang kanak-kanak dilaporkan hilang di Malaysia, dengan 86% adalah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Pada tahun 2011-2012, seramai 10,765 orang kanak-kanak hilang. Ini bererti, secara puratanya seramai 15 orang kanak-kanak hilang setiap hari. Mereka dipercayai diculik untuk tujuan seks, buruh atau organ.

Di Malaysia, perhambaan moden dibahagi kepada 9 kategori, iaitu:

1. Pekerja Domestik – Menurut laporan *Tenaganita*, seramai 56% pekerja mengalami penderaan fizikal dan 20% didera secara seksual. Kezaliman lain seperti tidak diberi makanan, gaji tidak dibayar dan dipaksa bekerja 7 hari seminggu tanpa rehat.
2. Pekerja Migran – Mereka ditipu dengan janji-janji manis sehingga ramai mengambil hutang atau jual harta benda untuk sampai ke Malaysia. Gaji yang dijanjikan tidak diterima dan mereka tersangkut dalam hutang yang tidak boleh dibayar balik. Ini berlaku dalam semua industri termasuk perniagaan kecil. Menurut *The Economist*, seorang daripada 4 pekerja dalam sektor elektronik di Malaysia adalah buruh paksa.
3. Nelayan – Keluarga tempatan dan pekerja migran yang sangat miskin diperdaya untuk bekerja di sektor perikanan. Mereka dijanjikan keuntungan lumayan tetapi ada yang diculik dan dijadikan buruh paksa. Nelayan terpaksa kerja beberapa tahun di tengah lautan di mana mereka didera, dizalimi malah dibunuh serta dibuang dalam laut!
4. Pemerdagangan Seks – Wanita dan kanak-kanak diculik dan dijual kepada sindiket pelacuran di

Malaysia dan di luar negara. Ada yang diperdaya dalam hubungan romantik dan gambar-gambar lucah mereka diambil dan kemudian digunakan untuk mengugut mereka terlibat dalam pelacuran secara paksa. Dilaporkan terdapat lebih 142,000 kegiatan pelacuran di Malaysia.

5. Pedofilia – Mangsa adalah kanak-kanak lelaki berumur di bawah 13 tahun. Antara tahun 2012 dan 2014, lebih 8,000 orang kanak-kanak dilaporkan hilang di Malaysia. Ramai kanak-kanak itu ditemui dalam pemerdagangan seks kanak-kanak di Thailand, Indonesia, Taiwan dan negara-negara lain.

6. Pemerdagangan Organ - Anak-anak muda diculik untuk organ mereka, yang dijual di pasaran gelap. Pesalah mencari mangsa di tempat-tempat seperti kelab atau pub, dan membuat mereka mabuk atau diberi dadah. Sementara mangsa masih hidup tetapi tidak sedarkan diri, pesalah mengambil organ mangsa.

7. Pengantin Pesanan Mel (*Mail-order Brides*) – Ini merujuk kepada agensi-agensi yang memperdaya dan membawa masuk wanita dengan janji pekerjaan sebaliknya mereka dijual sebagai pengantin.

8. Dipaksa Mengemis - Kanak-kanak diculik dan dipaksa mengemis wang. Kadang-kadang mereka dcederakan secara teruk untuk mendapatkan simpati daripada orang ramai. Banyak kes telah dilaporkan di negara-negara jiran kita.

9. Perdagangan Bayi - Wanita mengandung anak dengan niat untuk menjual bayi mereka demi keuntungan. Pelajar universiti adalah biasanya sasaran utama kerana

mereka memerlukan wang untuk yuran dan lain-lain. Wanita-wanita ini dibayar mengikut kualiti bayi. Harga setiap bayi adalah antara RM 20,000 hingga RM 60,000.

Pada pandangan saya, lebih 90% penduduk dunia adalah hamba. Bukan setakat kategori-kategori di atas sahaja. Ramai daripada kita tidak dapat mencapai perkembangan sepenuhnya dalam kehidupan ke mod tertinggi kesempurnaan, kecuali mungkin ahli saintis, artis, sastrawan dan mereka yang berani memilih cara hidup yang mereka suka dan bukan atas desakan atau norma masyarakat.

Ramai lagi golongan pekerja seperti saya terpaksa untuk hidup dalam satu norma yang ditentukan oleh sistem. Contohnya, terpaksa membuat sesuatu pekerjaan untuk menjaga keluarga, terpaksa mencari sejumlah pendapatan untuk kemudahan asas dan prestij, sementara terkongkong oleh sistem yang mendesak kita bekerja lebih daripada 10 jam sehari, berhijrah ke negara lain untuk mencari kehidupan lebih baik dan ada juga yang menyeleweng mencari jalan singkat untuk mendapatkan kekayaan. Saya ingin memetik dari tulisan Oscar Wilde pada tahun 1891 bertajuk “*The Soul of Man under Socialism*”. Katanya, “kita tidak boleh melepaskan diri daripada keperluan hidup untuk orang lain, yang dalam keadaan sekarang hampir-hampir tiada sesiapa pun boleh melarikan diri. Ini kerana kita dibelenggui dengan kemiskinan, kehidupan yang penuh dengan pelbagai masalah dan kezaliman. Kemiskinan tidak boleh diselesaikan dengan memberi sedekah. Tujuan kita seharusnya untuk mencuba dan membina semula masyarakat atas apa-apa asas bahawa kemiskinan akan menjadi mustahil. Contohnya, orang yang paling teruk adalah pemilik-hamba yang berbuat baik kepada hamba-hamba mereka tetapi sebenarnya berniat untuk menghalang pemberontakan terhadap sistem yang sememangnya disedari oleh mereka yang menderita daripadanya, dan difahami oleh mereka yang dimaksudkan itu.”

Oleh itu, selagi kita buat bodoh dan menerima sahaja segala kezaliman serta tipu muslihat sistem kapitalis dan kroni-kroni politik mereka, menerima sedekah mereka dan cuba berpuas hati, walaupun pada hakikatnya kita sedar akan segala bentuk perhambaan, “kebebasan” tidak akan dirasakan walaupun dalam mimpi sekali pun. Seperti kata ramai pemikir-pemikir yang ulung, hanya manusia yang melawan arus dan memberontak terhadap kezaliman diterima oleh sejarah. ##



Mencari sistem ekonomi sosialis untuk Malaysia

31 Ogos tahun ini adalah ulangtahun sambutan kemerdekaan yang ke-59. Apakah maksud kemerdekaan untuk anda?

Adakah ekonomi Malaysia dipegang oleh masyarakat tempatan? Adakah pekerja-pekerja yang bekerja lebih daripada 8 jam sehari atau 200 jam sebulan dibayar gaji yang munasabah dan adil? Adakah rakyat mempunyai rumah sendiri yang selesa untuk diduduki? Adakah rakyat mempunyai akses untuk pendidikan dan kesihatan dengan mudah? Adakah rakyat mempunyai hak untuk bersuara dan meluahkan pemikiran mereka agar kemanusiaan dan demokrasi terpelihara? Adakah kita mempunyai satu pentadbiran yang telus dan memihak kepada kelas majoriti?

Jika anda rasa kita ada, maka mungkin kehidupan anda sudah cukup selesa dan percaya bahawa kerajaan sekarang akan pastikan keselesaan anda buat selama-lamanya.

Jika anda rasa tidak, maka anda bukan keseorangan. Ramai yang tidak berpuas hati. Antara perkara yang sering diutarakan adalah:

- Amalan rasuah dan kronisme: Pembaziran serta pemborosan wang dan sumber negara untuk projek-projek yang tidak berguna (pembangunan terlampau), termasuk cara hidup ahli-ahli politik yang dipilih oleh rakyat untuk menjaga kepentingan rakyat yang mewah bukan sebaliknya.
- Politik dan polisi perkauman.
- Sistem percukaian yang membebankan rakyat walhal syarikat-syarikat transnasional diberi 'pengecualian cukai'.
- Rakyat tidak diberi hak untuk melibatkan diri dalam segala pembentukan polisi dan undang-undang negara oleh ahli-ahli parlimen yang dipilih oleh rakyat.
- Kemudahan asas diswastakan dan tiada kawalan harga.
- Akta-akta berkenaan dengan pekerjaan dan kesatuan sekerja tidak melindungi hak pekerja.
- Akta-akta yang menekan hak kebebasan bersuara, berpersatuan dan beragama.
- Sistem pasaran bebas, perdagangan kewangan, perdagangan matawang asing, pelaburan asing yang tidak terkawal menyebabkan ekonomi tidak stabil. Kurang campurtangan kerajaan untuk melindungi kumpulan masyarakat miskin dan yang tertindas daripada penganiayaan sistem pasaran yang menentukan harga kemudahan asas termasuk gaji pekerja, harga rumah, serta kos barangan asas seperti pendidikan dan kesihatan.
- Akta-akta yang memberi perlindungan kepada peniaga-peniaga besar untuk terus menindas golongan pekerja dan alam sekitar untuk tujuan keuntungan.
- Sistem perbankan: kurang akses untuk bantuan kewangan; kadar faedah yang tinggi, polisi atau amalan-amalan yang tidak berprihatin terhadap golongan

miskin dan berpendapatan rendah.

- Kurang kemudahan-kemudahan awam seperti pusat jagaan anak, dobi, dapur, tempat beriadah, aktiviti kebudayaan dan perkebunan – di kawasan perumahan atau tempat kerja – yang boleh menjalin hubungan interaksi sesama manusia.
- Pembangunan tidak samarata dan masyarakat pedalaman masih kekurangan kemudahan asas. Rakyat miskin tidak mampu beli rumah di lokasi-lokasi strategik, tiada kemudahan pengangkutan dan kesihatan.
- Undang-undang yang mendiskriminasi pekerja migran dan pencari suaka. Undang-undang yang gagal melindungi kepentingan kumpulan masyarakat yang lemah seperti anak yatim piatu, orang kurang upaya dan warga tua.
- Golongan muda tidak diberi ruang untuk mengembangkan potensi dan kewibaaan mereka secara bebas. Sistem pendidikan yang kaku dan fokus kepada pencapaian akademik serta mengongkong perkembangan mental individu-individu yang berlainan kapasiti.

- Kurang pelaburan dalam industri-industri yang lebih mampan seperti makanan (padi, sayur-sayuran) dan pemuliharaan alam sekitar.

Tidak salah untuk kita impikan perubahan dan satu sistem ekonomi yang lebih adil kan? PSM telah mengorganisasi satu bengkel bagi ahli-ahli PSM pada 13-14 Ogos yang lalu, untuk mengetahui apakah bentuk ekonomi sosialis yang sesuai di Malaysia.

Kita perlu satu ekonomi campuran yang mengimbangi antara keperluan asas, sekunder dan kemewahan. Apa yang dicadangkan adalah segala perkhidmatan asas seperti kesihatan dan pendidikan harus diambilalih sepenuhnya oleh kerajaan agar rakyat mempunyai akses dan setiap orang dapat mencapai tahap kesihatan dan pendidikan paling tinggi.

Perkara-perkara seperti bank, perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana termasuk insurans mesti dikawal dengan undang-undang dan regulasi agar rakyat biasa tidak dianiayai dan tidak terlalu dipengaruhi oleh pasaran bebas.

Sementara itu, perkara-perkara

yang berbentuk kemewahan seperti pasaran kewangan harus dikenakan cukai tinggi. Begitu juga korporat-korporat besar harus dikenakan cukai tinggi.

Kita perlu mengadakan satu kajian secara terperinci berdasarkan pengalaman beberapa negara seperti Kuba, Venezuela, Sweden, Norway dan lain-lain lagi untuk menggubal satu sistem ekonomi yang membawa kesejahteraan kepada majoriti.

Jika anda ada pandangan mengenai topik ini, sila hantar e-mel kepada pusat@partisosialis.org ##



Petani Mambang Diawan halang pencerobohan



Pada 4 Ogos yang lalu, petani dan penternak di Mambang Diawan, Kampar, Perak, telah dikejutkan dengan tindakan pemaju, Delscon Properties Sdn Bhd, yang menceroboh masuk ke kawasan pertanian mereka tanpa sebarang notis.

Petani dan penternak di Mambang Diawan telah menjalankan kegiatan pertanian untuk lebih 40 tahun sebagai sumber pendapatan mereka. Ada antara mereka yang mempunyai Lesen Tumpangan Sementara (TOL) sebelum ini. Namun, pada masa kini kerajaan negeri dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) telah menjual tanah berkenaan kepada Delscon Properties Sdn Bhd untuk mengusir petani-petani di sana tanpa sebarang penyelesaian.

Isu perampasan tanah pertanian oleh pemaju di Mambang Diawan ini masih

dalam proses perbincangan antara petani dan pemaju, dengan permintaan campurtangan daripada Menteri Besar Negeri Perak untuk mencari jalan penyelesaian. Setakat ini, belum ada apa-apa lagi penyelesaian, tetapi pihak pemaju berdegil untuk menceroboh tanah yang diusahakan oleh petani bertahun-tahun lamanya.

Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) Batang Padang telah memberikan permit pemotongan pokok di tapak pertanian tersebut tanpa mengambil tahu tentang masalah yang wujud di situ. Para petani cuba menghalang kerja-kerja pemotongan pokok. Selepas berunding secara penjing lebar dengan kontraktor pemaju, kerja-kerja memotong pokok di situ diberhentikan sementara.

Pihak petani juga menghubungi Jurutera Daerah Saiful Azzuan untuk memberhentikan kerja-kerja memotong pokok serta-merta. Selepas mengetahui hal sebenar, beliau telah memberi arahan kepada pemaju dan kontraktor untuk menghentikan kerja-kerja pemotongan pokok, serta membawa keluar jenjolak dari tapak pertanian itu sehingga perkara ini mendapat penyelesaian.

Pada 10 Ogos, wakil Jawatankuasa Petani dan Penternak Mambang Diawan telah menyerahkan memorandum kepada Ketua Polis Perak, mengadu tentang tindakan pencerobohan dan ugutan daripada Syarikat Delscon Properties Sdn Bhd dan juga orang-orang upahannya. Turut bersama dengan para petani semasa penyerahan memorandum adalah Dr. Jeyakumar Devaraj (Ahli Parlimen Sungai Siput), Kunasekaran (Penyelaras Gabungan Selamatkan Petani Perak) dan M. Sarasvathy (Timbalan Pengerusi PSM). Pihak polis berjanji akan mengatur mesyuarat untuk membincangkan perkara ini. ##



Thailand

Referendum untuk perlembagaan anti-demokratik

Negara Thailand telah mengadakan referendum pada 7 Ogos yang lalu untuk meluluskan perlembagaan yang ke-20 untuk negara tersebut dalam tempoh masa 84 tahun. Namun, perlembagaan yang diluluskan melalui proses referendum yang tidak demokratik ini, sememangnya juga bersifat anti-demokratik.

Negara Thailand melangkah ke dalam sistem raja berperlembagaan sejak tahun 1932, tetapi telah mengalami pelbagai pergolakan politik selepas itu sehingga menyaksikan sebanyak 12 kali kudeta dan sekurang-kurangnya 7 cubaan kudeta yang gagal. Perlembagaan baru akan diperkenalkan hampir setiap kali berlakunya kudeta, dan jangka hayat purata untuk Perlembagaan Thailand yang wujud sebelum ini tidak sampai 5 tahun. Perlembagaan Thailand yang bertahan paling lama adalah Perlembagaan 1932 (selama 14 tahun) dan Perlembagaan 1978 (selama 13 tahun), sementara Perlembagaan 1997 yang dikatakan Perlembagaan Thailand yang paling demokratik hanya kekal untuk 9 tahun sahaja. Jadi, timbulnya persoalan di sini adalah, Perlembagaan Thailand terbaru yang digubal dan diluluskan selepas lebih 2 tahun rampasan kuasa oleh pihak tentera ini boleh bertahan berapa lama?

Referendum Perlembagaan Thailand terbaru ini merupakan pengundian umum yang pertama selepas kudeta tentera yang dipimpin oleh Prayut Chan-o-cha pada bulan Mei 2014. Prayut yang merupakan ketua tentera semasa kudeta telah memegang jawatan Perdana Menteri sehingga kini. Walaupun rakyat Thailand keluar mengundi dalam referendum terbaru ini, namun sama ada prosesnya atau hasilnya adalah begitu tidak demokratik.

Pengundi telah diberikan dua soalan untuk diundi, iaitu:

- Adakah anda bersetuju dengan usul perlembagaan baru?
- Adakah anda bersetuju untuk Perdana Menteri dilantik dengan persetujuan kedua-dua dewan?

Perlembagaan baru yang dirancang oleh jawatankuasa yang dilantik oleh rejim tentera telah memperluaskan kekuasaan tentera dan kongkongannya ke atas politik Thailand. Perlembagaan baru telah menambahkan kerusi wakil Dewan Senat daripada 150 ke 250, dan semuanya dilantik oleh pihak tentera. Ini bermakna pihak tentera memiliki kuasa veto dalam menentukan Perdana Menteri Thailand apabila calon untuk jawatan tersebut yang hanya dilantik oleh majoriti di Dewan Perwakilan sebelum ini perlu mendapat juga kelulusan daripada Dewan Senat di bawah

perlembagaan baru.

Keputusan referendum adalah 61.35% undi yang sah (lebih kurang 16.8 juta undi) mengundi “sokong” untuk soalan satu, manakala 58.07% (15.1 juta undi) undi yang sah menyatakan “sokong” untuk soalan dua. Peratusan keluar mengundi hanya 59.4%, jauh berkurangan berbanding dengan peratusan keluar mengundi dalam pilihanraya umum yang lepas. Undi rosak juga mencecah 3.7 juta.

Referendum sepatutnya satu proses yang demokratik, tetapi bukannya untuk yang terbaru di Thailand ini. Kerajaan tentera telah menggunakan pelbaga cara untuk mengintimidasi, menindas, mengganggu dan menakutkan rakyat supaya mengundi untuk sokong perlembagaan baru. Mereka yang berkempen untuk undi “tolak” telah menghadapi pelbagai halangan daripada pihak tentera, termasuklah ditangkap, dipenjarakan dan disita barang-barang. Kerajaan tentera juga menggunakan pelbagai cara untuk memastikan media massa hanya melaporkan hujah-hujah kerajaan sahaja. Kerajaan tentera juga mengerahkan tentera untuk “turun padang” dan memberi penerangan tentang “kebaikan” perlembagaan baru kepada rakyat. Maklumat yang diterima oleh pengundi adalah berbeza dengan isi kandungan sebenar perlembagaan baru. Oleh yang demikian, tidak hairan untuk keputusan referendum yang sebegini.

Mengikut perancangan kerajaan tentera Thailand, selepas referendum, kerejaan tentera akan mengambil masa 8 bulan untuk menggubal undang-undang yang “organik” bersesuaian dengan perlembagaan baru, kemudian mengambil masa 4 bulan lagi untuk persiapan pilihanraya umum. Ini bermakna, rakyat Thailand masih akan diperintah oleh rejim kediktatoran tentera untuk sekurang-kurangnya satu tahun lagi.

Ramai pengundi Thailand yang mengundi untuk sokong perlembagaan baru, bukannya mereka benar-benar menyokong segala dalamnya, tetapi hanya mahukan pilihanraya umum diadakan segera. Namun, adalah amat mustahil untuk pilihanraya umum yang akan datang boleh jadi betul-betul demokratik, tambahan pula mana-mana kerajaan yang dipilih akan terus dikongkong oleh kekuasaan tentera dan puak konservatif dalam kelas pemerintah Thailand.

Sebab untuk majoriti pengundi Thailand sokong perlembagaan baru ini adalah kompleks. Selain daripada suasana ketakutan dan ancaman daripada pihak tentera, ramai



pengundi turut amat kecewa dengan keadaan politik ekonomi yang terbantut untuk lebih 2 tahun di bawah pemerintahan tentera dan menganggap kelulusan perlembagaan baru akan mempercepatkan proses untuk pilihanraya. Tambahan pula, bekas Perdana Menteri Thaksin Shinawatra dan gerakan baju merah yang diterajui oleh Barisan Bersatu untuk Demokrasi Menentang Kediktatoran (UDD) tidak lagi giat memobilisasi rakyat untuk berprotes, khususnya selepas kudeta pada tahun 2014. Namun demikian, masih adanya lebih 10 juta orang mengundi untuk tolak perlembagaan baru, menunjukkan kekuatan menentang pemerintahan kediktatoran tentera itu masih kuat.

4 wilayah di Utara Thailand dan 14 wilayah di kawasan Isan yang terletak di Timur Laut Thailand, di mana pengaruh gerakan baju merah masih kuat, undi tolak melebihi undi sokong. Begitu juga dengan 3 wilayah di Selantan Thailand dengan majoriti penduduk Muslim.

Juga tidak boleh mengecualikan kemungkinan bahawa sebahagian daripada undi sokong adalah berhasrat untuk pilihanraya umum secepat mungkin, supaya mereka dapat “membalas dendam” dengan undi dalam pilihanraya terhadap pihak tentera dan puak konservatif. Ini pernah berlaku dalam pilihanraya umum 2007 dan 2011, apabila parti politik yang disokong oleh gerakan baju merah menang dalam pilihanraya untuk kembali berkuasa.

Hasil Gerakan Anti-demokratik

Perlembagaan baru yang anti-demokratik diluluskan dengan undi yang tinggi, merupakan “hasil kejayaan” untuk perkembangan gerakan anti-demokratik di negara Thailand untuk satu dekad yang lepas. Kuasa anti-demokratik yang terdiri daripada pihak tentera, puak konservatif istana dan golongan yang kepentingannya semakin dihakis dengan kemunculan Thaksin, telah mula bergabung sejak tahun 2005 dalam protes gerakan baju kuning menentang Thaksin. Kudeta tentera pada tahun 2006 menjatuhkan Thaksin mendapat sokongan gerakan baju kuning. Puak anti-demokratik kemudiannya melakukan mobilisasi pada tahun 2008 untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Parti Kuasa Rakyat yang dipilih melalui pilihanraya, dan mengadakan aksi protes yang melumpuhkan bandaraya Bangkok pada

tahun 2013-2014 dalam usaha mereka untuk menjatuhkan kerajaan Yingluck Shinawatra yang juga dipilih melalui pilihanraya. Puak anti-demokratik ini memang takut pada pilihanraya kerana mereka pastinya akan kalah setiap kali pilihanraya, maka mereka menyokong pemerintahan kuku besi. Kudeta tentera pada bulan Mei 2014 sekali lagi memenuhi keinginan puak anti-demokratik ini sekali gus menghancurkan pencapaian proses pendemokrasian yang berlaku sejak tahun 1990-an.

Satu lagi perkara yang boleh diperhatikan dalam referendum kali ini adalah dua parti yang terbesar pada takat ini, Parti Pheu Thai dan Parti Demokratik, semakin hilang pengaruh mereka. Kedua-dua parti yang saling bermusuhan ini telah menyeru penyokong mereka untuk menolak perlembagaan baru, namun seruan mereka nampaknya tidak begitu berkesan. Parti Pheu Thai yang merupakan jentera oleh golongan pro-Thaksin pernah meraih sebanyak 15.7 juta undi dalam pilihanraya umum tahun 2011, manakala Parti Demokratik pula mendapat 11.4 juta undi pada masa itu. Mana perginya kebanyakan undi untuk kedua-dua parti ini?

Keadaan politik Thailand tidak akan menjadi lebih stabil selepas perlembagaan baru diluluskan. Pemerintahan kuku besi yang berterusan oleh kerajaan tentera, ketidakadilan sosio-ekonomi yang semakin serius, semuanya pasti akan menolak negara tersebut ke ambang satu lagi letusan sosial.

Masa depan untuk perjuangan demokratik rakyat Thailand masih penuh dengan rintangan. Namun, rakyat Thailand mempunyai pengalaman sejarah yang agak banyak, dalam kebangkitan rakyat pada tahun 1973 dan 1992, begitu juga dengan gerakan baju merah yang memuncak pada tahun 2010, di mana semua ini mengandungi ajaran sejarah yang bernilai dan ilham untuk terus berjuang. Potensi untuk kebangkitan rakyat masih wujud. ##



Perjuangan Mogok Klang 1941

(Bahagian 3)

oleh Saminathan Munisamy

(Bersambung dari edisi Ogos-Sep 2016)

Dalam keadaan yang semakin meruncing, pada 10 Mei 1941, Pesuruhjaya Tinggi Malaya, Shenton Thomas, mengambil keputusan untuk mendapatkan bantuan tentera British India yang ditempatkan di Ipoh. Pada masa itu, tentera British India ditempatkan di Malaya untuk mengekang kemaraan tentera Jepun yang dijangka akan menyerang Malaya pada bila-bila masa. Pasukan Askar Melayu dari Singapura juga dikerah untuk menyekat kebangkitan pekerja. Jelas keputusan untuk mengerah askar British India untuk menghalang kebangkitan pekerja India dibuat tanpa memikirkan implikasi dan kesannya terhadap pemerintahan British di India.

Tetapi British mengakui bahawa bukan mudah untuk menyekat pekerja yang sudah menular memasuki setiap pelusuk estet-estet di Selangor dan Negeri Sembilan. Pemimpin pekerja dikatakan mengayuh basikal menyebarkan berita mogok ke ladang-ladang di Selangor. Pada 11 Mei 1941, seramai 150 orang pekerja berarak berjalan dan menaiki basikal dari Kuala Selangor ke Sepang. Sepanjang perjalanan itu, banyak kedai todi dimusnahkan termasuk sebuah sebuah kilang di Telok Merbau.

Keadaan menjadi genting di Klang apabila sekumpulan pekerja berkumpul di Balai Polis Klang menuntut pembebasan pemimpin pekerja pada 12 Mei 1941. Polis meleraikan kumpulan pekerja dengan menggunakan kekerasan. Ketua Polis Selangor, H.B Langworthy, turut tercedera bersama sepuluh orang anggota polis dan 20 orang pekerja.

Pada 13 Mei 1941, mogok dilaporkan di 10 buah estet sekitar di Kuala Lumpur. 30 orang pekerja disabitkan

di Mahkamah Klang dan direman atas kesalahan berkaitan dengan mogok. Juga dilaporkan bahawa talian telefon di kebanyakan kawasan Klang diputuskan oleh pekerja yang mogok. Di Ladang Raja Muda, kereta kebal dibawa untuk membantu Staithairn untuk meleraikan 300 pekerja yang bersenjatakan kayu.

Pada 14 Mei 1941, mogok dilaporkan di 38 daripada 53 buah ladang di Kuala Selangor, 20 daripada 24 buah ladang di Kuala Langat, 35 daripada 43 buah ladang di Klang dan 27 buah ladang di Kuala Lumpur. Sejumlah 120 buah ladang dilaporkan sedang bermogok. Antara 120 ladang yang dilaporkan adalah seperti berikut: Ladang Beveriac, Ladang Blackacres, Ladang Brooklands, Ladang Bukit Cheedong, Ladang Bukit Cheraka, Ladang Bukit Chu, Ladang Bukit Kamuning, Ladang Bukit Panjang, Ladang Carey Island, Ladang Damansara (Batu 7), Ladang Effingham, Ladang Glenmarie, Ladang Haron, Ladang Highlands, Ladang Kundang, Ladang Mary, Ladang Batang Berjuntai, Ladang Midlands, Ladang Morton, Ladang North Hummock, Ladang Philmoor Estate, Ladang Port Swettenham, Ladang Raja Muda, Ladang Seaport, Ladang Sungai Buluh, Ladang Sungai Sedu, Ladang Sungai Tinggi, Ladang Sungai Rasau, Ladang Sungai Way, Ladang Tanah Bharu, Ladang Telok Datok, Ladang Telok Ganting, Ladang Vallembrose, Ladang Whiteacres, Ladang Wilkinson, Ladang Tremelbye, Ladang Batu Tiga, Ladang Bukit Badak, Ladang Bukit Darah.

Dianggarkan 20 ribu orang pekerja dari 120 buah ladang tersebut telah mengambil bahagian dalam mogok ini.

Pada 15 Mei 1941, di samping 3000



orang pekerja Ladang Kumpulan Sochin dilaporkan mogok, kemelut berdarah yang berlaku Ladang Brooklands yang melibatkan 900 orang pekerja dianggap paling parah dalam sejarah perjuangan pekerja. Pekerja Ladang Brooklands dan Sungai Sedu menahan pengurus Ladang Sungai Sedu, C.B Wheeler, di kediaman milik pengurus Ladang Brooklands, P.C Fisher. Pekerja berkumpul mengelilingi kediaman pengurus menuntut pembebasan Nathan yang masih ditahan polis. Pekerja bertekad untuk menahan Wheeler and Fisher di kediaman tersebut sehingga Nathan dibebaskan.

Gagal untuk meleraikan keadaan, OCPD Forbes Wallace meminta bantuan tentera British India. Di bawah arahan Major Howes Roberts, tentera melepaskan tembakan terhadap kumpulan pekerja. Dalam serangan ini, 3 orang pekerja terkorban – **Mayandi, Angappan dan Konneri**. 7 orang pekerja cedera parah dan seramai 124 orang ditahan dan dihadapkan ke mahkamah pada 3 Jun 1941.

Keadaan yang semakin merosot menyebabkan kerajaan British mengumumkan darurat di Selangor pada 16 Mei 1941. Polis dan tentera melancarkan operasi “pembersihan” yang sistematik secara besar-besaran. Dalam operasi tersebut ramai pemimpin buruh diberkas di tengah malam antara pukul 1 pagi hingga 6 pagi tanpa pengetahuan pekerja-pekerja lain. Mereka yang ditahan disabit kesalahan di bawah peraturan darurat. Operasi ini dilanjutkan sehingga 24 Mei dengan 90 peratus pemimpin buruh berjaya ditahan.

Pada 17 Mei 1941, seramai 20 orang pemimpin buruh di Ladang Teluk Ganting di Pulau Carey ditahan. 16 orang lagi ditahan di Klang. Pada hari yang sama, R.H Nathan telah dibuang negeri ke India. Pada 18 Mei 1941, polis menahan 21 orang pemimpin buruh di Ladang Damansara. Pada 19 Mei 1941, 200 orang polis melancarkan operasi mengejut dengan menahan 12 pemimpin buruh di Ladang Seaport di malam buta.

Penahanan pemimpin buruh secara besar-besaran ini melumpuhkan mogok di kebanyakan estet. Menjelang 22 Mei 1941, hanya sebahagian pekerja di Ladang Carey Island keluar mogok membantah penahanan 25

orang pemimpin buruh. Pada hari keesokannya, semua pekerja dilaporkan kembali bekerja seperti biasa. Sebagai menyangkal kebangkitan pekerja, akhbar bahasa Inggeris melaporkan kegiatan memeras ugut merupakan antara faktor utama yang menyebabkan pekerja mengikuti mogok selama ini. Selain penahanan pemimpin buruh, seramai 500 pekerja Ladang Wilkinson di Kuala Lumpur dibuang kerja pada 24 Mei 1941.

Menjelang akhir Mei 1941, “Mogok Klang” seolah-olah sudah berjaya dimatikan oleh kerajaan yang bersekongkol dan akur dengan kehendak kapitalis. Mogok ini memperlihatkan nyawa 6 orang pekerja terkorban, 21 pekerja telah dibuang negeri ke India, 95 pekerja dihantar pulang ke India atas permintaan, 300 pekerja ditahan dan dipenjara dan 186 pekerja dibebaskan dengan syarat tidak kembali ke ladang mereka. Sebagai menghukum kaum pekerja, kenaikan gaji yang dipersetujui oleh UPAM tidak ditunaikan. Gaji kekal di paras asal iaitu 50 sen untuk lelaki dan 45 sen untuk wanita. Dengan terletusnya Perang Dunia Kedua di Pasifik pada tahun awal tahun 1942, segala usaha untuk mengkaji punca kebangkitan pekerja ladang di Selangor terlenyap.

Sudah lebih tujuh dekad insiden ini berlaku, mungkin mereka yang masih ingat raut wajah **Rengasami, Yellumalle, Mayandy, Anggapan** dan **Konneri** tidak lagi bersama kita sekarang. Wajah pejuang pejuang ini mungkin dilupakan tapi nama mereka masih lagi dikenang. Bagi mereka yang menyelar dan mempersoalkan kita agar tidak menoleh ke barat untuk menimbah inspirasi untuk Hari Buruh, sini saya persembahkan nama pejuang ini sebagai menggantikan **Lingg, Spies, Fischer, Engel** dan **Parsons** (pemimpin pekerja yang dihukum bunuh selepas Peristiwa Haymarket pada tahun 1886 di Amerika Syarikat) kerana perjuangan mereka adalah sama. ##



Tentera India British yang dikerahkan untuk menangani pemberontakan perkerja semasa mogok Klang tahun 1941.





Kapitalisme merupakan sistem ekonomi yang mempunyai sifat perluasan paling hebat dalam sejarah. Kapitalisme menular dan menelan seluruh dunia tanpa halangan.

Perluasan ekonomi kapitalis berkaitan rapat dengan imperialisme.

Sejarah kapitalisme perindustrian boleh dibahagikan kepada dua peringkat utama:

- i. Peringkat persaingan bebas – dari 1760-an (Revolusi Industri) hingga tahun 1880-an
- ii. Peringkat imperialis – dari tahun 1880-an hingga sekarang.

Walaupun Karl Marx tidak dapat membuat kajian mendalam tentang imperialisme (kerana imperialisme belum lagi berkembang hebat seperti yang berlaku selepas kematian Marx), Marxis selepasnya seperti Vladimir Lenin (1870-1924), Rosa Luxemburg (1871-1919), Rudolf Hilferding (1877-1941) dan Nikolai Bukharin (1888-1983) telah melakukan kajian yang intensif ke atas peringkat baru kapitalisme ini dengan menggunakan teori Marx.

Oleh sebab persaingan dan keinginan kelas kapitalis untuk mendapatkan bahan mentah, pasaran dan peluang pelaburan, imperialisme menjadi berleluasa pada penghujung abad ke-19.

Seperti bentuk sistem kapitalis yang lain, imperialisme mempunyai kuasa penggerak yang luar biasa, dan berubah dalam bentuk-bentuk yang berbeza.

Antara bentuk imperialisme yang wujud pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20:

- Penjajahan: Demi menjamin penguasaan ke atas pasaran, bahan mentah dan peluang pelaburan, negara kapitalis yang lebih kuat telah menakluk, menjajah dan memerintah negara lain dengan kekerasan tentera.
- Dasar “pintu terbuka”: Negara kapitalis yang lebih kuat walaupun “menghormati” kedaulatan sesebuah negara yang lain secara rasminya, tetapi memaksa negara tersebut melaksanakan dasar “pintu terbuka” supaya kapitalis dari kuasa besar dapat memasukinya tanpa apa-apa sekatan. Kadang-kadang ini dilakukan melalui “dasar belantan besar” (*Big Stick diplomacy*), iaitu taktik yang digunakan oleh kuasa-kuasa besar untuk menjalankan rundingan secara “damai dan mesra” dengan negara-negara kecil tetapi pada masa yang sama mengancam dengan kekuatan tenteranya.

Lenin telah menyifatkan imperialisme sebagai peringkat tertinggi dan terakhir untuk kapitalisme. Lenin menggambarkan imperialisme sebagai lanjutan semulajadi kapitalisme yang timbul akibat daripada keperluan ekonomi kapitalis untuk memperluaskan pelaburan, perolehan bahan mentah dan tenaga manusia dengan apa jua cara pun termasuklah melalui perluasan penjajahan.

Mengikut Lenin, imperialisme merupakan satu peringkat sejarah yang khusus untuk kapitalisme. Terdapatnya 3 aspek dalam ciri khusus ini:

- i. **Imperialisme adalah kapitalisme monopoli.**
- ii. **Imperialisme adalah kapitalisme yang parasitik atau mereput.**
- iii. **Imperialisme adalah kapitalisme yang hampir menemui ajal.**

Monopoli menggantikan persaingan

Imperialisme

bebas, adalah ciri ekonomi asas imperialisme, dan ia merupakan intipati imperialisme. Monopoli ditonjolkan dalam 5 bentuk utama:

- i. Menubuhkan kartel, sindiket dan amanah - pemusatan pengeluaran telah mencapai tahap di mana wujudnya gabungan monopoli yang terdiri daripada kapitalis-kapitalis besar.
- ii. Bank besar mencapai kedudukan yang monopolistik – tinggal beberapa buah bank gergasi sahaja yang mengawal seluruh kehidupan ekonomi di negara kapitalis yang maju.
- iii. Oligarki kewangan menguasai sumber bahan mentah (modal kewangan merupakan modal industri yang monopoli bergabung dengan modal bank).
- iv. Kartel-kartel antarabangsa sudah mula membahagikan dunia (secara ekonomi) antara sesama sendiri. Kartel-kartel ini menguasai pasaran dunia, dan membahagikannya secara “harmoni” (sehinggalah dunia dibahagikan semula melalui perang). Pengeksportan modal, yang berbeza daripada eksport komoditi di bawah kapitalisme bukan monopoli, merupakan fenomena yang sangat nyata dan berkaitan rapat dengan pembahagian dunia secara ekonomi dan wilayah-politik.
- v. Pembahagian wilayah dunia (iaitu pembahagian tanah-tanah jajahan) sudah selesai.

Bagi menjana keuntungan yang lebih besar daripada pasaran di negara asalnya, bank-bank dan kartel-kartel perindustrian bergabung untuk mewujudkan **kapitalisme kewangan**. Modal milik kapitalis kewangan ini dieksport dan dilaburkan di negara yang kurang membangun dari segi ekonomi. Perbuatan pelaburan kewangan ini membawa kepada pembahagian dunia antara syarikat korporat yang monopolistik dan negara kuasa besar. Pembahagian dunia dilakukan dengan perluasan kuasa ketenteraan yang selalunya berakhir dengan penjajahan terus ataupun pemaksaan dasar “pintu terbuka” ke atas negara yang lain.

Dalam proses penjajahan ke atas negara-negara yang kurang membangun, kapitalis-kapitalis besar yang bersaing sesama sendiri dan juga kerajaan negara kapitalis yang mewakili kepentingan mereka terlibat dalam konflik persaingan untuk menguasai tanah-tanah jajahan supaya dapat memeras segala sumber asli dan tenaga kerja di jajahan itu.

Imperialisme memerlukan monopoli kapitalis ke atas pemerasan tenaga buruh dan sumber asli. Ia perlukan pengeksportan modal (bukannya pengeksportan barangan) untuk mengekalkan penjajahannya.

Di negara asal imperialis, keuntungan hebat yang diperoleh daripada pemerasan melalui penjajahan, membolehkan golongan kapitalis di negara itu untuk merasuah ahli politik dan pemimpin pekerja, supaya mereka ini dapat bersekongkol dalam usaha menggagalkan sebarang perlawanan pekerja di negara itu.

Di negara yang dijajah secara terus, negara imperialis akan menempatkan tenteranya untuk memukul sebarang penentangan terhadap penjajahannya dan memerintah melalui institusi pentadbiran yang terletak di bawah arahan terus daripada negara imperialis. Di negara yang separa dijajah, kawalan ke atas negara sebegini adalah secara tidak langsung, iaitu melalui kerajaan yang mesra pada negara imperialis, walaupun negara tersebut mengekalkan kemerdekaannya secara rasmi.

Apabila dunia melangkah ke dalam zaman imperialisme dan kapitalisme

monopoli, peranan pasaran kapitalis sedunia tidak lagi mendorong perkembangan “normal” sistem kapitalis malah menghalangnya, khususnya menghalang usaha perindustrian negara-negara yang tidak membangun. Faktor utama terjadi keadaan sedemikian adalah wujudnya ketidakseimbangan dalam pembangunan:

- Negara maju mengeluarkan komoditi secara besar-besaran kerana tahap produktiviti yang lebih tinggi dan menjual secara murah kepada negara tidak membangun. Ini bukan sahaja membankrapkan perusahaan kraf di negara tidak membangun yang tidak mampu bersaing dengan pengeluaran skala besar di negara maju, malah juga menghalang perkembangan perindustrian di negara tidak membangun.
- Modal berlebihan yang tertumpu dalam tangan kapitalis monopoli di negara maju, telah dieksport secara besar-besaran ke negara tidak membangun, mendirikan zon pengeluaran industri di negara tidak membangun yang berfungsi sebagai tambahan atau sokongan kepada industri negara maju (bukannya untuk bersaing dengan industri di negara maju). Ini menyebabkan modal asing menguasai hampir sepenuhnya ekonomi negara tidak membangun. Jentera negara tidak membangun digunakan untuk melindungi pelaburan modal asing, malah perkembangan industri baru di negara sendiri juga disekat.
- Kepentingan kelas pemerintah lama di negara tidak membangun telah diikat bersama kepentingan modal imperialis. Kuasa modal asing mendominasi masyarakat sebegini, dan kelas borjuasi tempatan tidak memegang kuasa pemerintahan. Ini amat berbeza dengan negara kapitalis seperti di Eropah Barat dan Amerika Syarikat yang melalui revolusi demokratik borjuis yang menghancurkan sepenuhnya kelas pemerintah lama.

Di negara-negara yang dijajah atau separa dijajah, wujudnya golong oligarki yang terdiri daripada borjuasi komprador dan tuan tanah, yang bersekongkol dengan kuasa-kuasa imperialis, dalam memeras dan menindas tenaga buruh di situ.

Borjuasi komprador merupakan kelas kapitalis tempatan yang pada awalnya menjadi ejen untuk syarikat import-eksport asing, kemudiannya menjadi ahli perniagaan yang bebas. Perniagaan mereka tertumpu pada sektor komersial dan perkhidmatan. Keuntungan mereka dilaburkan dalam perniagaan, pinjaman ceti haram, pembelian tanah dan spekulasi hartanah.


Kemunduran ekonomi di negara yang tidak membangun bukannya disebabkan negara tersebut kekurangan modal atau kekurangan sumber. Sebaliknya, di negara yang “mundur”, nisbah barangan surplus sosial dalam pendapatan negaranya seringkali lebih tinggi daripada negara maju, dan negara sebegini biasanya kaya dengan pelbagai sumber (lombong, hutan dsb). “Kemunduran” itu adalah hasil daripada struktur sosio-ekonomi yang terjadi akibat dominasi oleh kuasa imperialis ke atasnya. Modal matawang yang dikumpulkan di negara sebegini bukan digunakan secara utamanya untuk pelaburan dalam pembangunan perindustrian, malah juga bukan untuk pelaburan yang produktif di negara itu. Ini juga menyebabkan pekerjaan tidak mencukupi sehingga merendahkan gaji pekerja.

Pembahagian dunia antara kuasa-kuasa imperialis untuk menguasai tanah jajahan merupakan ciri khas zaman imperialis. Pada tahun 1880 hingga 1905, kuasa-kuasa imperialis telah membahagikan dunia mengikut imbalan kuasa antara mereka, di mana Britain sebagai kuasa terbesar dunia, diikuti dengan kuasa imperialis yang kuat seperti Perancis, Belanda dan Belgium. Sementara itu, negara imperialis “muda” seperti Jerman, Itali, Amerika Syarikat dan Jepun pula masih lagi tidak cukup kuat berbanding imperialis “tua”. Demi memperoleh keuntungan yang lebih daripada proses penjajahan, negara-negara imperialis “muda” cuba mengubah keadaan pembahagian dunia mengikut imbalan kuasa itu dengan melancarkan perang. Maka tercetusnya peperangan seperti Perang Amerika-Sepanyol (1898), Perang Jepun-Rusia (1904-1905), Perang Dunia Pertama (1914-1918) dan Perang Dunia Kedua (1939-1945).

Perang imperialis adalah peperangan untuk mengagihkan hasil rampasan, merebut tempat baru untuk pelaburan, berlumba-lumba untuk sumber bahan mentah dan bersaing untuk kawalan ke atas pasaran, bukannya untuk apa-apa “ideal” politik (sama ada untuk menyokong atau menentang demokrasi dan sebagainya). Perang antara kuasa-kuasa imperialis untuk menguasai dunia atau tanah jajahan telah mendatangkan malapetaka yang amat teruk kepada kemanusiaan.

Selepas Perang Dunia II, keseimbangan kuasa di peringkat dunia telah berubah. Kuasa imperialis barat dilemahkan dan sistem penjajahan imperialis yang lama juga berkecai. Gerakan pembebasan nasional merebak di negara-negara kurang membangun (di Asia dan Afrika) yang akhirnya membolehkan kebanyakan negara yang dijajah oleh kuasa-kuasa besar sebelum itu mencapai kemerdekaan. Namun wujudnya persaingan baru antara kuasa-kuasa besar (khususnya antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet semasa zaman Perang Dingin), dan juga bentuk penjajahan yang baru. Kesatuan Soviet walaupun bukan mengamalkan sistem kapitalis, tetapi juga menunjukkan sifat-sifat imperialis, manakala campurtangan secara politik dan ketenteraan oleh kuasa-kuasa barat (terutamanya Amerika Syarikat) juga semakin halus dari segi strategi dan taktiknya. Kontradiksi kapitalisme monopoli masih wujud.

Penghapusan penjajahan yang terus selepas Perang Dunia II, tidak bermakna sistem imperialis dunia itu sudahpun hancur. Sistem ini masih wujud, hanya berubah rupa bentuknya. Banyak negara yang pernah dijajah (yang digelar “negara sedang membangun”) masih dihadkan peranannya sebagai pengeksport bahan mentah. Negara-negara miskin masih dibuli oleh negara-negara maju dengan sistem perdagangan yang tidak seimbang dan memeras. Jurang pembangunan antara negara-negara miskin dengan negara-negara maju semakin melebar bukannya semakin mengecil. ##



Sekitar Kempen Menuntut Tabung Pemberhentian Kerja

Kempen Tabung Pemberhentian Kerja yang diterajui oleh PSM sedang giat berjalan di negeri Selangor, Perak dan Kelantan. Kempen ini akan terus diadakan di negeri-negeri yang lain pada masa akan datang. Ikuti perkembangan terbaru kempen melalui laman facebook [@tabungpekerja](https://www.facebook.com/tabungpekerja)

LAKSANAKAN TABUNG PEMBERHENTIAN KERJA

8 TUNTUTAN

Apabila syarikat bankrap & pekerja tidak dapat gantirugi, gunakan tabung ini untuk bayar

1

Bayaran dalam tempoh masa 30 hari selepas pemberhentian kerja

2

Tabung ini dikendalikan oleh PERKESO

3

Dimulakan dengan sumbangan kerajaan, diikuti sumbangan bulanan majikan (50 sen) dan pekerja (50 sen)

4

Latihan semula untuk pekerja yang diberhentikan kerja

5

Elaun sara hidup 80% daripada gaji terakhir untuk 6 bulan

6

Bank tangguhkan bayaran balik pinjaman aset

7

Pekerja migran juga diberi gantirugi yang setimpal

8

Maklumat lanjut
010-2402159 / 010-2580455

[f tabungpekerja](https://www.facebook.com/tabungpekerja)



Serdang



Kuala Kangsar



Kuala Lumpur



Bangi

Merdekakan negara dari politik kotor

(Berikut adalah mesej Hari Kemerdekaan tahun 2016 daripada Sekretariat JERIT)

59 tahun sudah berlalu dan kita masih menyambut Hari Merdeka dengan harapan negara dan rakyat akan benar-benar MERDEKA daripada sistem ekonomi-politik yang kotor lagi menindas.

Nampaknya pada tahun ini, seperti tahun-tahun lepas, rakyat terpaksa menyambut Hari Merdeka dengan hati yang hampa, sedih, pilu dan marah. 5 hari sebelum Hari Merdeka, beribu-ribu anak muda telah turun ke jalanraya menuntut supaya MO1 ditangkap dan hapuskan politik rasuah. Pada ketika kos hidup semakin meningkat akibat cukai GST,

beribu-ribu pekerja pula telah dan sedang hilang kerja. Bilangan syarikat-syarikat muflis semakin meningkat, bank-bank terkemuka seperti Maybank dan CIMB tutup cawangan-cawangan mereka. Mahasiswa dan anak muda menganggur semakin meningkat. Kerajaan Barisan Nasional mengkambinghitamkan rakyat untuk kepentingan pemimpin dan parti. Rakyat pula semakin hilang harapan dengan Pakatan Harapan.

Rakyat hanya akan MERDEKA jika negara kita bebas daripada polisi-polisi neo-liberal, dan demokrasi yang tulen menjadi amalan. Selamatkan NEGARA dan selamatkan MERDEKA! ##

Sudut Komik Tangkap apa ni?

